# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 24 BILANGAN 7 | RABU 14HB. FEBRUARI, 1979. | رابو 16 ربيع الاول 1399 | PERCHUMA


# UMAT ISLAM DI-SERU BERKHIDMAT DAN BERBAKTI KAPADA NEGARA



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika bertitah di-Perhimpunan Maulud pada hari Sabtu lalu.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menyeru umat Islam supaya akan sentiasa memberikan perkhidmatan dan bakti sepenoh-nya terhadap negeri ini.

Baginda bertitah, bahawa berbakti kapada negara itu bererti bukan hanya ingatkan keperluan2 diri sendiri, malahan juga mesti-lah ingatkan keperluan2 orang lain yang hidup sa-tanah atau sa-kampong.

Bertitah di-perhimpunan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-padang besar di-sini, Baginda mengingatkan bahawa thema 'Berbakti kapada negara kerana Allah' tahun ini ada-lah sangat luas pengertian-nya yang berkehendakkan kesunggohan bukan sahaja perkhidmatan kapada negara, tetapi juga dari segi perasaan ingin untok berkhidmat kapada negara kerana Allah dan bukan kerana satu2 tujuan yang terhad pada mendapatkan mata benda, nama dan sebagai-nya.

Baginda penoh perchaya, jika keazaman untok berbakti kapada negara itu di-sertai dengan perasaan tulus ikhlas kerana Allah dan di-sertai dengan iman dan taqwa, maka insha Allah segala-gala yang kita usahakan itu akan dapat di-laksanakan dengan sempurna dan akan mendatangkan hasil2 yang bermunafaat yang dapat dinekmati oleh keseluruhan masharakat.

Sa-bagai sa-buah negara yang mengamalkan dasar2 Islam, titah Baginda, kita sepatut-nya berkhidmat dengan chara yang disuroh oleh Ugama Islam ia-itu berchontoh kapada perkhidmatan2 dan amalan2 Nabi Muhammad s.a.w. dalam masa Baginda itu menjalankan pemerentahan Islam.

"Dengan tulus ikhlas, taqwa dan iman Baginda serta kerjasama umat Islam yang ada di-sekeliling Baginda, maka negara Islam di-bawah pimpinan Baginda telah menjadi negara yang kuat, gagah dan sempurna di-galati oleh negara2 lain" titah Baginda.

Menurut Baginda, sambutan Maulud yang di-adakan pada hari itu ada-lah merupakan yang terakhir bagi kurun yang ke-14 Hijrah ini dan kedatangan kurun Hijrah ke-15 pada hujong tahun ini menandakan ajaran2 Islam telah ujud lebeh kurang 1,500 tahun.

Baginda seterus-nya berseru supaya umat Islam akan menjadi orang2 yang benar2 menjalankan Islam itu sa-bagai amalan dan fahaman hidup sa-hari2 di-mana2 saja berada.

"Mudah2an dengan berkat hari yang mulia ini dan dengan berkat hati yang tulus ikhlas di-sertai dengan iman dan taqwa kapada Allah negara kita dan segala isi di-dalam-nya sentiasa di-berikan perlindongan dan hidayat oleh Allah s.w.t.".

Terdahulu dari itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah bahawa dengan mengingati hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w. bererti kita telah memboktikan taat setia kapada ugama yang di-bawa Baginda dan akan menjadi sa-bagai chara hidup dalam segala bidang

Lihat muka 20

## D.Y.M.M berangkat menyertai Perhimpunan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat berchemarduli bagi menyertai perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi s.a.w. yang di-adakan di-Padang Besar di-sini pada hari Sabtu lalu.

DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran2 Anak Puteri juga telah berangkat menyertai perhimpunan itu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan lain2 Kerabat Diraja telah di-alu2kan oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Perhimpunan yang di-sertai oleh lebeh dari 33,000 orang umat Islam

Lihat muka 20

## *Thema sambutan menghendaki kejujoran dan pengorbanan*



YANG Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

KUALA BELAIT. — Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Penasehat Umom Kebawah DYMM mensifatkan thema sambutan Maulud tahun ini sa-bagai bersesuaian kerana ia mengkehendaki dua unsor penting dalam kehidupan kita ia-itu kejujoran dan pengorbanan.

Beruchap di-perhimpunan Maulud bagi umat Islam di-Daerah Belait, Yang Teramat Berhormat itu menjelaskan, bahawa kita di-kehendaki jujor dan bersedia memberikan pengorbanan yang besar dalam mempertahankan keselamatan, kesejahteraan dan kemakmoran yang kita nekmati sekarang sahingga kapada keturunan2 kita di-masa hadapan.

Kejujoran dan pengorbanan, tambah Yang Teramat Berhormat itu, tidak-lah di-hadkan hanya kapada pegawai2 kerajaan baik dalam perkhidmatan awam atau pasokan keselamatan, tetapi ia-nya harus juga di-mileki dan di-amalkan oleh sa-tiap raayat dan pendudok yang berkhidmat di-firma2 atau persendirian.

Kapada penuntut2 sekolah yang turut menyertai perarakan pada hari Ahad, 10hb Februari itu Yang Teramat Berhormat Pehin Isa berseru supaya mereka akan menumpukan segala usaha dan masa terhadap pengajian masing2.

"Kerana Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini senantiasa mengkehendaki bakti belia yang terpelajar, yang berpengetahuan dan yang bertanggong-jawab untok membantu usaha kerajaan mempertahankan dan meninggikan lagi taraf keselamatan, kesejahteraan dan kemakmoran kita", jelas Yang Teramat Berhormat itu.

Sementara itu ketika memberikan uchapan alu2an di-perhimpunan Maulud di-padang besar ibu negeri pada hari yang sama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama juga mensifatkan, bahawa thema sambutan tahun ini ada-lah sa-bagai satu seruan kapada raayat dan pendudok negeri ini akan peri mustahak-nya mereka memahami erti dan tujuan titah Kebawah DYMM yang telah di-lafadzkan di-Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Negeri Brunei dan United Kingdom baru2 ini.

Dalam titah tersebut, tambah beliau, Kebawah DYMM menjelaskan bahawa dalam

Lihat muka 20

## Pertukaran Pegawai2 K'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengumomkan beberapa pertukaran pegawai2 pentadbir dan kakitangan Kerajaan yang lain.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Yahya bin Haji Harris di-tukar ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan sa-bagai Pegawai Pentadbir. Jawatan Pegawai Daerah itu sekarang di-pangku oleh Awang Puasa bin Haji Tudin yang sa-belum itu menjadi Timbalan Pesurohjaya Tanah.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Muhammad di-tukar ka-Pejabat Pos sa-bagai Pemangku Timbalan Ketua Pos Agong.

Timbalan Ketua Pos Agong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad di-tukar ka-Temburong sa-bagai Pemangku Pegawai Daerah.

Pg Idris bin Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad di-tukar ka-Peja-

Lihat muka 20

## *Lawatan Ahli2 M.M.N. ka-Jabatan Imigeresen*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan sa-ramai tujoh orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri telah melawat Jabatan Imigeresen di-Bandar Seri Begawan pada hari Khamis.

Rombongan itu di-alu2kan oleh Pengawal Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Dato Paduka Awang Haji Mohammad Ali bin Haji Mohammad Daud dan beberapa orang pegawai kanan-nya.

Pelawat2 itu telah di-berikan taklimat mengenai pendaftaran dan juga di-bawa melawat2 ka-berbagai bahagian jabatan tersebut. Mereka juga telah mengadakan perbinchangan tidak rasmi, soal-jawab serta bertukar2 pandangan. Pada 15hb ini, Ahli2 Yang Berhormat itu akan melawat Jabatan Perpindahan.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
14HB FEBRUARI, 1979

# MENGHUBONGKAN KEMESRAAN

KUNJONGAN sengkat Menteri Luar Malaysia serta rombongan untok menyembahkan perutusan rasmi DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong sempena Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Brunei dan United Kingdom kapada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan jelas menyatakan sa-bagai suatu penghormatan atas ketokohan dan pimpinan yang bijaksana ketua negara kita dari ketua2 negara jiran.

Perutusan itu juga sa-chara langsong akan mendekatkan lagi pertalian peribadi Kebawah DYMM Seri Paduka Yang Dipertuan Agong yang asal-nya DYMM Sultan Kelantan dan Kebawah DYMM Sultan sendiri ada-lah mempunyai hubongan 'Darjah Kerabat Diraja' dengan Baginda itu. Di-samping mengikrabkan antara kedua-dua kesultanan tersebut hal ini juga sa-chara langsong akan menghubongkan kemesraan antara kedua-dua buah kerajaan.

Bak kata pepatah Melayu 'charek2 bulu ayam, lama2 berchantum juga' dan 'ayer di-chinchang masakan putus'. Maka ujud-nya perutusan dari Sultan kapada Sultan sa-umpama ini kita sa-bagai raayat DYMM Baginda Sultan perlu-lah menjunjong tinggi kedaulatan Raja kita yang tidak boleh di-chabar oleh sa-siapa juga pun, kerana ia-nya 'kesultanan' itu bagi masharakat kita orang2 Melayu ada-lah merupakan suatu tunggak yang perlu di-tanai dan di-pertahankan supaya ia tidak tumbang ka-mana2.

# JENAYAH MENINGKAT

SUASANA aman dan tenteram di-kalangan masharakat kita buat beberapa tahun kebelakangan ini telah dapat di-chemari oleh kejadian2 jenayah yang kalau tidak di-amati dan di-kelinga dengan tindakan yang berkesan tentu-nya segala bentok perbuatan jahat dari mereka yang jahat dan tidak bertanggong-jawab memporak-perandakan keharmonian itu akan lebeh membahayakan dan membinasakan masharakat kita kemudian-nya.

Menurut laporan pulis yang di-keluarkan baru2 ini terdapat kes2 jenayah yang di-laporkan kian meningkat dari 6,000 kejadian pada tahun 1977 kapada 7,350 kejadian pada tahun 1978. Ini bermakna walaupun sa-bahagian besar kejadian2 jenayah yang di-rekodkan sa-bagai telah berlaku dalam masharakat kita itu sudah dapat di-kesani oleh pehak berkuasa namun pada sa-bahagian besar kes tersebut maseh merupakan suatu penyakit yang belum dapat di-hapuskan dan perlu di-berikan suntekan ubat yang paling mujarab kapada penjenayah2-nya.

Antara kejadian2 jenayah yang merachuni kedamaian masharakat itu, kes judi dan mereka yang telah di-tangkap meningkat kapada 302 orang tahun lalu dari 176 orang tahun 1977. Kes churi juga meningkat hingga kapada 441 kejadian. Rogol dan peras-ugut juga sudah mula menjadi, dengan empat kejadian bagi tiap2 kes di-samping kes bunoh bertambah lima kejadian dari dua kejadian tahun 1977.

Sa-banyak lapan kejadian menyalahi Undang2 Penyalah-gunaan Dadah 1978 bagi sa-tengah tahun kedua juga di-laporkan manakala mereka yang melanggar Undang2 Dadah Berbahaya bertambah kapada 34 kejadian dari 13 kejadian sejak tahun 1974.

Dari perangkaan jenayah yang di-laporkan itu, kita sa-bagai raayat di-negeri nampak-nya perlu sekali bersedia untok berganding bahu dengan pehak berkuasa agar segala apa yang tidak kita inginkan dalam melichinkan kerja2 pembangunan masharakat dan negara ketika ini tidak akan tergendala. Dan mengamati serta mengalinga keluarga kita dari jadi penjenayah atau di-peralatkan oleh penjenayah2 ada-lah satu2-nya usaha yang juga berkesan untok mengurangkan kejadian2 jenayah demikian.



# Kerani2 Tingkatan III yg di-naikkan pangkat

KERANI2 yang telah di-umomkan di-naikkan pangkat dalam keluaran minggu lalu sebenar-nya Kerani2 Tingkatan III dan di-naikkan pangkat ka-Tingkatan II.

Berikut ia-lah kerani2 yang telah di-naikkan pangkat itu yang bermula dari 1hb Oktober, 1978 yang lalu dan jabatan2 di-mana mereka di-tempatkan sa-lepas nama masing2.

Pengiran Ali bin Pg Haji Abdul Rahman — Perubatan; Awang Mohd Salleh bin Haji Burut — SUK (Penerangan); Awg Mohammad Adnan bin Haji Abu Hanifah — Kemajuan Kerjasama; Awang Mohd Yusof bin Abdullah—Penerbangan Awam; Awang Mohd Daud bin Haji Ibrahim — Talikom; Awang Yaakub bin Haji Sidek—Pejabat Daerah Tutong; Awang Abdullah bin Awang Besar — Letrik; Awang Abdul Rahman bin Samad—Talikom.

Awang Mohd Basir bin Haji Khatam — Pelajaran; Awang Abdul Kadir bin Talip—Kewangan; Awang Mat Noor bin Matussin — Odit; Awang Ahmad bin Haji Metassan — Pulis; Awang Moksin bin Haji Chuchu—Talikom; Awang Ibrahim bin Haji Sabli — Penchetak Kerajaan; Awg Metali bin Mantok—RTB; Awang Besar bin Haji Abdul Rahman — Kenaziran; Awang Shamsuddin bin Hashim — JKR; Awg Ali Hassan bin Hitam—Kehakiman; Awangku Haji Serudin bin Pg Haji Daud —Dewan Bahasa dan Pustaka; Awang Haji Abdul Samad bin Haji Abdul Rahman — AMDB.

Awang Zainal bin Tengah—AMDB; Awang Metussin bin Haji Ahmad — Pepereksaan; Awang Syed bin Yusof—Pelajaran; Awg Ahmad bin Moksin — Tanah; Awang Abdul Latif bin Jerudin — Pertanian; Awang Sanny bin Mohd Jair — Pulis; Awang Abdul Momin bin OKSU Bashah —Imigeresen; Awang Tundak bin Haji Matdon — Kewangan; Awang Yahya @ Yasman bin Haii Sulaiman — Bomba; Pengiran Osman bin Pg Damit — Perubatan dan Awang Abd Hamid bin Haji Mohd Yusof — Letrik.

# Kursus kpd Awam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus Perkhidmatan Kapada Awam kini sedang di-adakan di-Pusat Latehan Jabatan Perjawatan di-Jalan Berakas. Sa-ramai 20 orang pegawai2 Kerajaan yang senantiasa berdamping rapat dengan orang ramai menyertai kursus sa-lama empat hari itu yang akan berakhir esok.

Sa-lain dari cheramah2 yang di-sampaikan oleh Ketua Yunit Latehan, Awg Haji Jaya bin Abdul Latif dan Pegawai Latehan, Awg Mustafa bin Haji Abdul Rahman, dua buah tajok cheramah—Kebolehan Menganilisa Dengan Kritis dan Dayafikir Yang Membena dan Keadaan Di-tempat Awam dan Mengatasi Sungutan2 Orang Ramai juga akan di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup dan Pengawal Kenderaan Darat, Awang Abidin bin Abdul Rashid.

Ini ada-lah kursus yang kedua di-kelolakan oleh Yunit Latehan, Jabatan Perjawatan dalam bulan ini. Pada minggu lalu, sa-ramai 20 orang Peon, Pembacha Meter dan Penghantar Saman telah menyertai kursus sa-lama dua hari. (Gambar kiri).

# Berkursus ka-Britain

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai Radio Talivishen Brunei, telah berlepas ka-Great Britain, minggu lalu untok menghadhiri satu kursus sa-lama 12 minggu di-sana.

Mereka ia-lah Pengelola Ranchangan Melayu, Awg. Ramlee bin Haji Mohd Said, yang akan mengikuti kursus penerbitan ranchangan radio.

Awang Yaakup bin Haji Sunny dan Awang Hussein bin Abdul Rahman, akan mengikuti kursus penerbitan ranchangan talivishen. Mereka akan di-tempatkan di-Perbadanan Penyiaran British, atau BBC.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 7hb Februari, 1979.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sin Seng Kee,
   No. 69, Jalan McArthur.
2. KACHANG MERAH — $1.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Aik Thye,
   No. 25, Jalan Sultan.
3. GARAM HALUS (Chap Phonex) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur.
   c) Ghee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
   c) Hong Soon,
   No. 6, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. ASAM GELUGOR — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sa. S. Sa'adiah.
   No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.
2. KACHANG MERAH —$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Yun Seng,
   No. 84, Jalan Bunga Rambai.
3. GARAM HALUS (Chap Phonex) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Yee Seng,
   No. 46, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. ASAM GELUGOR — $4.70 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.
2. KACHANG MERAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Siong Yick,
   No. 54, Jalan Bunga Kuning.
3. GARAM HALUS (Chap Phonex) — 20 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Chop Thiam Heng,
   No. 42, Jalan Bunga Melor.
   b) Yuan Ho Hing,
   No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 17hb hingga 22hb Feb. 1979

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 17.2.1979 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 17.2.1979 | Sabtu | 2.45– 3.45 | ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 17.2.1979 | Sabtu | 4.00– 5.00 | ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 19.2.1979 | Isnin | 2.00– 3.00 | ,, |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 19.2.1979 | Isnin | 3.30– 4.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 20.2.1979 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 20.2.1979 | Selasa | 10.30–11.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 21.2.1979 | Rabu | 8.30– 9.00 | ,, |
| Sekolah Melayu Serasa | 21.2.1979 | Rabu | 10.00–10.30 | ,, |
| Sekolah Melayu Mentiri | 21.2.1979 | Rabu | 10.45–11.15 | ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sg. Besar | 21.2.1979 | Rabu | 11.30–12.00 | T/H |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 22.2.1979 | Khamis | 3.15– 4.15 | ,, |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara | 22.2.1979 | Khamis | 4.30– 5.30 | ,, |

# WATCH OUT FOR THE RED TIDES

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Fisheries Department has issued a reminder on the possibility that the "red tides" experienced in March, April and May 1976 might reappear at approximately the same time this year.

The Department says because the microscopics organisms which form the red tides may cause certain seafoods to become poisonous, advance warning of their presence in the sea is desirable.

It has requested the people especially those who by the nature of their duties come in daily contact with the sea to be on the lookout for red/brown discolourations in the sea, usually in distinct patches; and accumulations of dead or dying fish or seabirds, either floating in the sea or washed ashore.

They are also asked to note the details such as date, time, location, extent of discoloured water, numbers of dead fish or birds, collect samples of discoloured water, fish or birds for examination; and telephone the Fisheries Department here at 22067 or 24131 during office hours, or at 26880, 25715 or 23646 after office hours, to report the sighting and to make arrangements for the collection of samples.

The organisms which form the red tides are known as **Pyrodinium bahamense**, a toxic marine dinoflagellate previously unrecorded in Brunei waters. Although each individual organism is microscopic in size, it has the ability to reproduce its numbers very rapidly under certain favourable oceanographic conditions, and the resulting population explosion appears as a distinct reddish-brown discolouration in the sea which is often identifiable from a vessel or aircraft.

Red tides are potentially dangerous to health because of the ability of some bivalve molluscs to feed on the toxic organisms and to concentrate the poison. If these molluscs are then eaten, the concentrated dose of poison can cause sickness, and in extreme cases even death. In the 1976 outbreak it was found that certain types of fish also became poisonous.

Experience in Papua New Guinea (where red tides caused by the same organism were first recorded in 1973) has shown that red tides can recur. In Brunei, the most likely time for such a recurrence is during March and April when oceanographic conditions are likely to be suitable.

The Department says because of the possibility of a recurrence in Brunei waters exists, and because of the potential health hazards, it will be necessary to be on the alert during this time in order that advance warning of possible contamination may be obtained.

## Jerudong declared a controlled development area

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Laila Diraja Pengiran Abdul Momin last week issued a statement saying that the Government had declared Jerudong a controlled development area.

It covers all the areas, five hundred yards from the Tutong-Jerudong road junction to the beach.

With the introduction of the regulations, no one is allowed to carry any development in the area, except in accordance with Section Three of the Second Schedule of the Town and Country Planning Order.

Anyone wishing to carry out land development or building changes, renewal, additional maintenance or construction of roads or the division of land must first have written approval from the appropriate authority.

The statement stressed that building constructed in the controlled development area without approval will be demolished.

## Nine attend course in S'pore, H.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two Police Inspectors, Annuar Haji Abdullah and Hasnan bin Harith left for Hong Kong last week to take-up a three-month course in special duties.

During the course they will be attached to the tactical unit of the Royal Hong Kong Police Force at Fanling, Kowloon.

Five other officers of the Royal Brunei Police Force also left the State last week for a month-long course in Singapore.

The five — all probationary inspectors — were Chang Tim Chee, Johari bin Abdul Rahman, Awangku Rakit bin Pengiran Osman, Metamit bin Kanak and Mohammed Zaini bin Haji Sanif.

They will attend a junior officers' course at the Singapore Police Academy.

Leaving the same day were two members of the Royal Brunei Malay Regiment Lance Corporal Abdul Ghani bin Mohammed and Lance Corporal Mohammed Kassim bin Ali who will be attending a month-long course for vehicle mechanics.



**Lance Corporal Ladi bin Sabtu (above) from the Second Battalion of the Royal Brunei Malay Regiment came second in the regiment's annual cross country race held last Wednesday. The first prize was won by Private Meramit bin Kahar.**

**They were among more than one hundred RBMR personnel who took part in the race which started from the junction of Kampong Tungku and ended at the Jerudong beach, a distance of over six miles.**

**The Second Battalion emerged the overall champion. Prizes were presented to the winners by the RBMR's Deputy Commander, Lieutenant Colonel Bowden.**



**THE Malaysian Foreign Minister, Tengku Ahmad Rithaudeen and the British High Commissioner, Mr Arthur Watson (above) having conversation shortly after the Foreign Minister's arrival at the Brunei International Airport for a five-hour visit to the State eleven days ago.**

**Tengku Ahmad Rithaudeen, heading a delegation of four, was in Brunei to personally deliver congratulatory messages to His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah and the Mentri Besar on the signing last month of the Anglo-Brunei Treaty of Friendship and Cooperation from the Malaysian King and the Prime Minister Dato Hussein Onn.**

**Congratulatory messages from the Yang Dipertuan Agong and Dato Hussein Onn were the first to be received by Brunei from a foreign government after the signing of the treaty last month.**

**Tengku Ahmad Rithaudeen's delegation included a palace official, Datuk Ibrahim bin Mahmud and an official from the Foreign Ministry, Awang Abdul Halim bin Ali.**

**The Foreign Minister's first official call was at the Istana where he handed the congratulatory message from the Yang Dipertuan Agong to His Highness the Sultan.**

**Later His Highness was joined by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Setia Bakti Laila Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the hon'ble State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz and other top government officials.**

**Afterwards at the State Secretariat, Tengku Ahmad Rithaudeen handed the congratulatory message from the Prime Minister to the Mentri Besar, which was received by the State Secretary on behalf of the Mentri Besar who was on leave.**

**Before returning to Kuala Lumpur, the Malaysian delegation visited the Brunei Museum at Kota Batu and the Sultan Omar Ali Saifuddin Mosque here.**

## More births less deaths last year

BANDAR SERI BEGAWAN. — Figures released by the Registrar of Birth and Death last week indicated that there were more births in the State last year than in 1977.

A total of five thousand five hundred and ninety babies with the number of boys exceeding that of girls were born last year.

This is an increase of a hundred and ninety-three babies over the previous year.

The number of deaths last year showed a decrease compared to the previous year.

According to the statistics supplied by the Registrar, seven hundred and seventy-seven people died last year.

## Warders, firemen off to S'pore

BANDAR SERI BEGAWAN.. — Four prison warders and three firemen left the State last week to attend courses in Singapore.

The four prison warders were Awang Roslan bin Abdullah, Bakar bin Dulaiman, Osman bin Idris and Awangku Sulaiman bin Pengiran Abdul Rahman.

During the course they will be taught prison law, welfare of prisoners and weapons handling.

They will also visit prisons and reformative centres in the republic.

The three firemen, Assistant Station Officers Zakaria bin Haji Metussin, Nordiah bin Metussin and Tamin bin Yusof will also be in Singapore for three months during which they will be attached to the Singapore Fire Brigade Training School, the Port Authority Singapore and Marine Fire Station.

During the course they will be trained on Industrial Inspection, Fire Precautionary Measures, Fire Control Procedure Mobilisation and other aspects of fire fighting techniques.

# Goodwill visit

BANDAR SERI BEGAWAN. — A seventeen-member trade delegation from the Philippines paid a goodwill visit to Brunei last week as guests of the Brunei Chamber of Commerce.

The delegation, led by the Philippine Trade Secretary, Mr Guizon Junior, was in Brunei for three days during which they had a dialogue with local businessmen.

The dialogue was similar to the one held at the Philippine Trade Ministry during the visit to Manila by a Brunei trade mission about a year ago.

During their stay, the Philippine trade delegation was also briefed by government officials and paid a courtesy call on the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

The visitors were also taken on a tour of Brunei Shell's operations in Seria.

## Peons, meter readers attend course

BANDAR SERI BEGAWAN.. — Nineteen peons and meter readers from various government departments last week attended a two-day course at the Training Centre of the Establishment Department at Jalan Kumbang Pasang near here.

The course was aimed at promoting understanding in their jobs and emphasising the importance of efficient and effective work.

The Head of the Training Unit, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif and the Training Officer, Awang Mustafa bin Haji Abdul Rahman delivered the lectures.

## 1979 phone directory ready for collection

BANDAR SERI BEGAWAN.. — The Telecommunications Department has received the 1979 issue of the Brunei Telephone Directory.

Subscribers wishing to collect their copies of the Directory must bring with them their directory entitlement slips which are Pages 4 of the 1978 Telephone Directories.

The new directories can be obtained from telecoms offices here, in Kuala Belait, Seria, Tutong and Bangar.





PENASEHAT Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim telah mengetuai perarakan Maulud di-Daerah Belait yang di-adakan di-Pekan Belait pada hari Sabtu lalu (gambar atas).

Sa-belum memulakan perarakan yang di-sertai oleh kira2 4,000 orang umat Islam di-daerah itu, beliau juga telah berucap dalam perhimpunan tersebut dan sa-telah itu memereksa pasokan saperti kelihatan dalam gambar2 atas kanan dan bawah.

Lain2 gambar di-ruangan ini menunjokkan suasana meriah ketika perarakan Maulud Nabi s.a.w. yang di-adakan di-Pekan Belait pada hari Sabtu lalu.

# LEBEH 4,000 SERTAI PERARAKAN MAULUD NABI DI-DAERAH BELAIT














# Pintu kebajikan amat luas

DALAM menentukan amal kebajikan dan perkara2 yang mendatangkan pahala, maka hadith2 Rasulullah s.a.w. telah menerangkan dengan banyak-nya perkara2 tersebut, tinggal sahaja lagi kita orang2 Islam hendak-lah rajin mengulangkaji sa-bagai panduan2 yang berguna. Di-antara hadith2 itu, ada sabuah hadith riwayat Abu Zar bahawa pada zaman Nabi terdapat sa-kumpolan sahabat2 yang telah bertanya kapada Baginda maksud-nya:

"Wahai Rasulullah adapun orang2 kaya, manakala mereka kembali ka-alam akhirat, mereka membawa pahala yang banyak (di-sebabkan mereka banyak berpeluang mengerjakan amal kebajikan dengan harta-nya), sedang mereka itu sembahyang saperti kami, berpuasa saperti kami dan mengeluarkan sedekah dari kelebehan harta2 mereka."

Rasulullah s.a.w. menjawab: *"Tidak-kah Allah juga telah mengorniakan yang lain2 untok kamu sedekahkan? Sa-sunggoh-nya tiap2 tasbeh itu sedekah, tiap2 takbir sedekah, tiap2 tahmid sedekah, tiap2 tahlil sedekah, menyuroh membuat kebajikan sedekah, menegah dari melakukan kejahatan sedekah, dan pada anggota kelamin itu sedekah".*

Mendengar jawapan yang akhir itu mereka bertanya lagi, sa-olah2 mereka belum pasti: "Wahai Rasulullah! Ada-kah kami berpahala juga manakala kami bergaul dengan isteri2 kami?" Menjawab Nabi: *"Bukan-kah jika sa-seorang itu melepaskan nafsu-nya dengan jalan yang haram dia berdosa? Maka begitu pula-kah jika ia lakukan menurut chara halal ia dapat pahala".*

Begitu-lah keadaan-nya pintu kebajikan itu amat-lah luas-nya. Dari perbuatan yang mudah di-lakukan, yang nampak-nya kechil dan tidak penting, tetapi di-berikan nilai yang tinggi di-sisi Allah, apa-tah lagi pekerjaan yang memang sifat-nya besar saperti bekerja untok Ugama Allah, memajukan umat, membenteras kejahilan dan kesesatan dan lain2 lagi, semua-nya itu tentu-lah lebeh2 lagi ganjaran-nya, asal sahaja di-lakukan dengan ikhlas dan niat kerana Allah.

Satu chontoh lain tentang pekerjaan yang kechil2 tetapi mendapat nilaian yang tinggi, ia-lah hadith Nabi riwayat Abu Zar juga, yang bermaksud: "Di-serahkan kapada aku sa-genap amalan umat-ku, yang baik-nya yang jahat-nya, maka aku dapati dari pekerjaan mereka yang baik ia-lah kekotoran di-buang dari jalan-raya, dan yang aku dapati dari pekerjaan mereka yang jahat ia-lah kekotoran di-masjid yang tiada di-buang".

Dari dua chontoh hadith di-atas dapat-lah kita sandaran yang jelas, bahawa perkara2 saperti hubongan sex suami-isteri, membacha tasbih, tahmid dan takbir, dan hingga kapada membuang sampah di-jalan-raya dan di-tempat2 ibadat saperti masjid dan surau, di-beri pahala oleh Allah s.w.t., tetapi dalam pada itu harus pula di-ingat, bahawa perbuatan jahat, walau pun sedikit, boleh menyebabkan sa-seorang menderita azab Allah, sa-bagaimana pernah di-terangkan oleh Nabi, bahawa sa-orang perempuan kerana mengikat sa-ekor kuching hingga mati di-sebabkan tidak dapat menchari makan, maka perempuan itu di-masokkan ka-dalam neraka akibat perbuatan-nya yang jahat itu.

Demikian-lah, mudah2an isi dan pengajaran hadith2 yang di-sebutkan kali ini akan membawa atau membekalkan beberapa pengetahuan yang menjadi sumber hidayah kapada hidup kita.

# Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang perempuan India bersama 3 orang anak-nya kini telah menjadi saudara baru Islam. Mereka itu ia-lah Ramamurtham, 41 tahun, sekarang di-kenali sa-bagai Rameejan Bibi bte Abdullah.

Manakala anak2-nya pula ia-lah Valarmarthi, 15 tahun, kini di-kenali sa-bagai Sitthi Saffeena, Gatei, 12 tahun, kini di-kenali sa-bagai Sitthi Rajeena, manakala anak lelaki-nya pula memileh nama Islam-nya sa-bagai Md Farouk, 10 tahun yang sa-belum itu di-kenali sa-bagai Selvani.

Majlis pengislaman mereka telah berlangsong di-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-sini pada hari Sabtu 27hb Januari, 1979. Mereka melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin, Pembantu Pegawai Perkembangan Ugama di-Jabatan tersebut.



GAMBAR Rameejan Bibi bte Abdullah beserta anak2-nya. (Gambar JHEU).

# RASULULLAH S.A.W. MENGUBAH CHORAK KEHIDUPAN

**Bingkisan minggu ini**

APABILA kita memasoki bulan Rabi'el Awal ia-itu bulan yang ketiga dalam perhitongan tahun Hijrah maka ingatan kita dengan serta merta akan menjelajah kapada sa-buah peristewa agong yang pernah terjadi di-masa itu. Peristewa besar dan peristewa yang paling bersejarah yang di-sebutkan itu tidak lain dan tidak bukan ia-lah tarikh kelahiran Junjongan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w.

Peristewa kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. bukan sahaja di-anggap sa-bagai sejarah terkemuka di-kalangan umat Islam, bahkan juga tetap menjadi ristaan yang tiada putus-nya daripada golongan yang bukan Islam, teruta-ma di-kalangan sarjana2 barat yang ikhlas mempersoalkan kejernihan peribadi serta pimpinan Nabi Muhammad. Sebab itu-lah jika kita bacha buku2 yang khusus membinchangkan ketokohan pemimpin2 terkemuka di-dunia yang di-tuliskan oleh pengarang2 barat, maka ketokohan Nabi Muhammad tidak-lah tertinggal dalam penulisan mereka. Bahkan sa-balek-nya tidak-lah akan menarek dan di-anggap sa-bagai tidak menchukopi sharat jika ia-nya tidak di-muatkan.

Sa-bagai umat Islam, kita menjunjong tinggi sejarah kelahiran Baginda oleh kerana Baginda ada-lah pemimpin besar kita. Utusan Allah yang membawa Ugama Islam. Baginda Rasulullah ada-lah manusia yang paling berjasa mengubah chorak kehidupan manusia, dari satu sistem peradaban yang tidak terator kapada bentok kehidupan yang terusun dengan peratoran2 tertentu dan sesuai dengan kehendak tabi'ie atau sa-mula jadi manusia.

Terlanjor memperkatakan tentang peradaban itu, sa-benar-nya sistem peradaban dan kebudayaan yang tinggi telah pun di-mileki oleh bangsa2 tertentu, sa-belum lagi kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. Lama sa-belum itu telah ujud tamaddun pada bangsa yang besar saperti India, China, Rumawi, Parsi, dan sa-bagai-nya. Tetapi yang jelas, meskipun tamaddun dan peradaban itu telah di-lahirkan, namun ternampak tidak sampai kapada kehendak2 rohani dan iktikad manusia terhadap keperchayaan dan ketuhanan. Demikian-lah maka sa-orang demi sa-orang Rasul2 telah di-utus oleh Allah kapada manusia buat memenohi keperluan2 rohani dan iktikad2 tadi sa-hingga-lah kapada pengutusan yang terakhir Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Di-sini jelas-lah bahawa manusia di-samping mempunyai peradaban dan chorak tamaddun yang tinggi, mereka juga berhajat kapada satu hakikat buat menempatkan keperchayaan mereka terhadap sa-suatu yang lebeh besar dan lebeh sempurna daripada mereka. Maka antara lain maksud berugama itu ia-lah supaya kehidupan di-dunia ini mempunyai hubongan dengan zat yang mutlak ia-itu Allah yang bersifat Isa, Maha Kuasa dan Maha Sempurna. Di-samping manusia pada keselurohan-nya juga memerlukan bimbingan dan petunjok daripada yang Maha Kuasa tadi (Allah) di-atas dasar wahyu2-nya Segala keinginan dan maksud yang hendak di-chapai baik yang sulit mahu pun mudah akan dapat terlaksana kerana sifat Allah pemurah lagi penyayang akan selalu menolong umat yang memerlukan. Jadi sa-bagai kesimpolan-nya bahawa manusia memerlukan ugama kerana sifat-nya sa-bagai satu peratoran yang akan membawa sa-seorang itu kapada jalan selamat dan bahagia.

Berhubong dengan umat2 sa-belum kelahiran Nabi Muhammad s.a.w., meski pun pada mereka itu telah di-utus oleh Allah Rasul2 untok memberikan petunjok kapada mereka. Namun oleh kerana beberapa penyelewengan yang di-lakukan oleh pengikut2 Rasul2 tadi, saperti mengubah asas2 keperchayaan dengan mengikut kehendak2 mereka sendiri, maka akhir-nya keaslian ugama2 tersebut telah terchemar dan jadi-lah umat2 itu pengikut ajaran2 yang salah.

Demikian-lah sa-terus-nya......, apabila keaslian ajaran2 yang di-bawa oleh Rasul2 sa-belum itu telah ternoda, maka hidup-lah umat2 itu sa-olah2 langsong tiada mempunyai atoran, sa-bagaimana yang kita maklomi tentang perangai2 umat jahiliah. Kekejaman, keganasan serta rakus ada-lah antara sifat yang terdapat pada mereka, berhala dan patong merupakan tuhan2 yang mereka sembah, sedang kekuasaan pula terdapat pada tangan orang2 yang kuat dan gagah.

Tiada-lah dapat di-katakan bagaimana sesat-nya manusia ketika itu, maka sebab itu-lah Allah menurunkan sa-orang manusia dari kalangan mereka buat membetulkan yang telah salah dan membaiki yang telah rosak. Itu-lah dia Nabi Muhammad yang kita peringati hari kelahiran-nya di-masa ini.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14hb Februari, 1979 hingga ka-hari Selasa 20hb Februari, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14hb Feb. | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 15hb Feb. | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 16hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 17hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 18hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 19hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 20hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**



GAMBAR bawah johan pelari perseorangan di-kejohanan tersebut, perajurit Meramit bin Kahar dari Battalion Pertama ketika berjaya mengakhiri langkah di-garis penamat. Gambar atas perajurit Meramit ketika menerima hadiah kejohanan yang di-perolehi-nya dalam perlumbaan itu dari Timbalan Pemerentah AMDB.



BERSEDIA dan berator (gambar bawah) sabelum perlumbaan itu di-mulakan ada-lah merupakan saat yang di-tunggu2 oleh sa-tiap peserta bagi menentukan siapa-kah yang akan merangkul kejohanan. Dari keadaan yang nampak ini sa-olah2 sa-tiap peserta ingin menchapai kejayaan, tetapi malang-nya johan hanya berjaya di-chapai oleh perajurit Meramit yang berkebetulan pula memakai nombor peserta pertama di-perlumbaan itu.

# BATTALION KEDUA JOHAN RENTAS DESA AMDB

BATTALION Kedua Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah munchol sa-bagai johan antara yunit dalam kejohanan perlumbaan rentas desa tahunan pasokan itu yang telah di-adakan pada pagi Rabu, 7hb Februari yang baru lalu.

Perlumbaan tersebut yang bermula di-simpang Sekolah Melayu Tungku, Gadong dan berakhir di-Pantai Jerudong telah di-lepaskan dengan tembakan oleh Lt Kol Preddy, Pegawai Turus Satu Pasokan AMDB kira2 pukol 7.35 pagi.

Kejayaan Battalion Kedua di-perlumbaan itu adalah di-hasilkan oleh kejayaan yang di-perolehi oleh dua kumpolan pasokan tersebut yang mendudoki tempat pertama bagi kumpolan 'A' dan tempat ketiga bagi kumpolan 'B'. Manakala tempat kedua di-menangi oleh kumpolan 'A', Battalion Pertama.

Dalam perlumbaan yang di-sertai kira2 110 orang pelari dari 11 pasokan sajauh kira2 10 batu itu, johan perseorangan telah di-menangi oleh perajurit Meramit bin Kahar daripada Battalion Pertama dengan menchipta masa 40 minit 48.3 saat.

Tempat kedua di-menangi oleh L/Kopral Ladi bin Sabtu dengan masa 40 minit 57.1 saat dan tempat ketiga Kopral Yunos bin Abd Kani dengan masa 41 minit 38.2 saat. Kedua2 mereka ada-lah dari Battalion Kedua.

Penyampaian hadiah2 kapada peserta dan pasokan yang berjaya di-perlumbaan itu telah di-lakukan oleh Lt Kol C J Bowden, Timbalan Pemerentah AMDB.

Turut hadhir menyaksikan perlumbaan tersebut di-tempat penamat termasok-lah YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad, Pegawai Pemerentah Battalion Pertama dan pegawai2 kanan AMDB.

## PERWIRA WATAN





KELIHATAN penyampaian oskar rebutan perlumbaan rentas desa tahunan antara yunit AMDB sedang di-terima oleh ketua pasokan Battalion Kedua yang menjadi johan perlumbaan tersebut dari Timbalan Pemerentah AMDB, Lt. Kol. Bowden.

# TAMAT LATEHAN

SA-RAMAI 34 orang anggota rekrut bagi pengambilan ka-46 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada 9hb Mach depan akan mengakhiri kursus mereka sa-bagai anggota askar dalam satu upachara tamat latehan yang akan di-adakan di-Perkhemahan Bolkiah.

Upachara tamat latehan itu yang bermula pukol 8.00 pagi akan di-ambil tabek hormat dan memereksa perbarisan tamat latehan oleh Lt Kol Bowden, Timbalan Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei.

Sementara itu bertempat di-Perkhemahan Bolkiah juga kumpolan pertama Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei akan mengadakan perbarisan 'off-square' mereka pada 23hb Februari ini.

Perbarisan yang akan di-adakan di-padang kawat pasokan itu akan memberi penghormatan kapada YDM Pehin Datu Indera Negara Lt Kol Dato Paduka Mohd Ariffin, Pegawai Pemerentah Pusat Latehan.



BARISAN pelari rentas desa dari Battalion Kedua AMDB yang berjaya menjadi johan antara yunit dalam kejohanan tersebut bagi tahun 1979 sedang bergambar ramai bersama hadiah2 kemenangan mereka dan Pegawai Pemerentah Battalion Kedua Lt. Kol. Richard Avens.





MENDENGAR sa-suatu penerangan dari pegawai yang bertugas menjalankan perlumbaan tersebut, peserta2 ini dengan hati2 mendengar dan memerhati lorong2 yang akan di-lalui di-kejohanan itu. Dari apa yang di-tempoh oleh pelari2 ini mereka telah melalui dan mendaki tiga buah bukit dan satu aliran sungai untok berjaya mengakhiri perlumbaan tersebut.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 14HB. FEB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "The Enemy Within"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE PAPER CHASE
7.49 AZAN ISHA
7.53 THE PAPER CHASE — sambongan
8.00 DR IN CHARGE — "The Godfather"
8.00 DR IN CHARGE —
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 SHOW OF THE WEEK — "Cilla Black"
9.50 RUGBY INTERNATIONAL: England vs Scotland.
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 15HB. FEB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.30 DR WHO — "Revenge of the Cybermen" — Bahagian ketiga
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 DR WHO — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE BIG VALLEY — "Heritage"
Heath di-hantar untok menyiasat satu kejadian pemogokan di-lombong Barkley Sierra, di-mana keluarga-nya ada memileki bahagian-nya.
7.49 AZAN ISHA
7.53 THE BIG VALLEY — sambongan
8.00 HIDAYAT
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DOKUMENTARI MELAYU: Audubon Wildlife Theatre "Waterfowl Wilderness"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 16HB. FEB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE FLOWER STORIES
5.45 CLOPPA CASTLE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 C.B. BEARS — "The Wild, Wild Wilderness"
6.30 CHILDREN OF THE STONES: Episod ke-empat "The Narrowing Circle"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 CHILDREN OF THE STONES — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 CHALLENGE OF THE SEXES
7.49 AZAN ISHA
7.53 CHALLENGE OF THE SEXES — sambongan
8.00 THE DICK EMERY SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 QUINCY — "Touch of Death"
Kematian mengejut bintang filem Jepun menyebabkan Quincy kehilangan pembantu-nya apabila Sam Fujiyama berhenti kerja sa-lepas satu pertelingkahan dengan majikan-nya.
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.20 SIARAN TAMAT.



GAMBAR atas memperlihatkan pemandangan2 dari Tayangan Malam Sabtu minggu ini "The D.A. Draws A Circle".

Filem ini mengesahkan sa-orang penjudi muda, yang sedang menanggong hutang yang besar, bermain judi untok kali yang terakhir sambil dia menchuba untok berpura2 dalam satu kemalangan automobil.

Dia memainkan peranan ayah-nya sambil dia chuba untok mengumpolkan jumlah wang yang besar dari sharikat insuran nyawa-nya.

Pelakun2-nya ia-lah Jim Hutton, Lloyd Bochner dan Jo Ann Plug.

## SABTU — 17HB. FEB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE LOST ISLAND — "The Magic Box"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DALLAS
7.49 AZAN ISHA
7.53 DALLAS — sambongan
8.00 GEMBIRA RIA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 STARSKY AND HUTCH
9.55 PREMIER SOCCER
10.45 TAYANGAN MALAM SABTU — "The D.A. Draws a Circle"
12.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 18HB. FEB.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Jiran2"
5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Whopper Stopper"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOW
6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 PROJECT UFO — "The Judas Game"
7.49 AZAN ISHA
7.53 PROJECT UFO — sambongan
8.00 THE ROLF HARRIS SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MUTIKA
9.45 DRAMA: THE GOVERNOR — Episod kedua "No Way to Treat A Lady"
Eliza Lucy Spencer mengharapkan perubahan besar dalam penghidupan-nya sa-lepas di-selamatkan dari sabuah bandar kechil di-Australia yang terpenchil oleh perkahwinan-nya dengan ajen kerajaan yang maseh muda George Grey.
11.00 THE COLLABORATORS — "Dee Dee"
Trembley terlibat dalam dunia pelachoran apabila sa-bilangan kejadian memukul dengan kejam berlaku dan sa-orang lelaki terbunoh.
11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 19HB. FEB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 MAYA — "Will the Real Prince Please Get Lost"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 MAYA — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 CHARLIE'S ANGELS — "Winning is For Losers"
7.49 AZAN ISHA
7.53 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.00 SKILFUL SOCCER
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 HAWAII FIVE O — "Bones of Contention"
McGarrett membongkar satu misteri yang berusia 33 tahun.
9.55 WILDE ALLIANCE — "The Private Army of Colonel Stone"
Hangus oleh chahaya matahari dan tanpa ayer, tiga orang lelaki menunggu saat kematian di-padang pasir Afrika Selatan.
10.45 SIARAN TAMAT.



GAMBAR: Julia Foster sa-bagai Amy Wilde, isteri Rupert yang sabar, dan penulis novel2 jenayah, dalam siri the Wilde Alliance.

Di-panah oleh chahaya matahari tanpa ayer, tiga orang lelaki terbaring menunggu saat kematian di-atas pasir yang tidak tahu mengasehani di-gurun Africa Selatan dalam "The Private Army of Colonel Stone", episod Wilde Alliance minggu ini.

Sa-buah helikopter mendarat di-atas 'horizon' itu tepat pada masa dan perangkatan itu 'Colonel' Stone, Ben dan Knocker telah di-selamatkan dan di-kembalikan ka-England. Tapi terdapat empat orang dalam kumpolan itu bila perjalanan itu di-mulakan, dan emak saudara Ruper Wilde, Rachel Sommerville, menulis kapada Rupert memberitahu yang anak-nya Jamie mati di-gurun Afrika Selatan ketika dia menchari intan.

Bagaimana pun, peristewa2 itu membawa prasangka bila Rachel yang sedang berduka itu kemudian-nya menghubongi Rupert untok memberitahu yang sa-orang lelaki — 'Colonel' Stone—telah mengambil aleh dan menetap di-rumah Jamie. Rupert dan Amy mengambil keputusan untok membuat penyiasatan.

## SELASA — 20HB. FEB.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — "The Creatures Who Came on Sunday"
7.49 AZAN ISHA
7.53 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
8.00 SERIKANDI
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 ARENA SOKAN —
9.25 HORIZON—"Billion Dollar Bubble"
Dokumentari mengenai penipuan komputer yang menggonchangkan Amerika pada tahun 1973. Ahli2 professional yang terhormat dan berkelayakan tinggi terlibat — jurukira2, aktuari2 dan eksekutif2 pengurusan tertinggi, kebanyakan maseh dalam penjara di-temuramah.
10.15 THE PROFESSIONALS — "In the Public Interest"
Bodie dan Doyle di-hantar untok membuat penelitan pada angkatan bandaraya polis yang tertentu, apabila Cowley menjadi bimbang bahawa mereka mengamalkan rasuah.
11.05 SIARAN TAMAT.

**intisari RTB minggu ini**

# "Billion Dollar Bubble" tajok filem renchana Horizon minggu ini

SEGALA2-NYA terjadi pada tahun 1969 — ia-nya di-maksudkan untok di-jadikan satu penyelesaian perkiraan sechara sementara. The Equity Funding Corporation of America sa-buah sharikat insuran Los Angeles yang terlalu berani, telah menghubongkan perniagaan insuran-nya pada sa-buah komputer. Kemudian meshen itu menimbulkan masaalah2 peringkat permulaan. Pengurusan terkanan telah membuat ramalan keuntongan2 yang mungkin di-dapati dalam laporan tahunan. Ramalan mereka bahawa keuntongan mereka ada-lah dua juta terlalu optimistik. Dua orang eksekutif muda mendapat ilham untok menggunakan polisi2 palsu dalam komputer — semua-nya di-mulakan dengan bilangan "99" supaya ia-nya dapat di-kenali apabila 'pinjaman sementara' telah selesai. Tetapi oleh kerana pegawai2 odit begitu terpesona dengan chetakan2 komputer hinggakan godaan untok menggiatkan lagi penipuan ini berlanjutan.

Dalam tahun 1970 Equity Funding telah menjual chetakan2 insuran yang palsu kapada penanggong2 (underwriters) bagi jumlah wang tunai yang besar. Mereka mengada2kan beratus2 pemegang2 polisi yang palsu, lengkap dengan umor, jantina, berat badan dan adakala-nya dengan pengenalan2 mereka.

Dalam tahun 1973 pertubohan ini telah menjadi pusat kewangan yang terbesar; penchinta kapada semua pelabor2 Wall Street. Kadar pertumbohan-nya menjadi fenomena kebangsaan. Dua orang eksekutif muda yang menjadi orang tengah penipuan ini chuba untok mengubah haluan tetapi telah terlambat. Kegilaan dalam pertumbohan dan komputer mengambil tempat-nya. Urusan perniagaan dalam buku2 Equity bernilai tiga juta dollar; hanya satu pertiga yang benar2 berjalan. Lewis menyedari bahawa jika sharikat ini terus berkembang pada kadar ini, dalam jangka masa yang tidak begitu lama ia-nya akan memberi insuran kapada lebeh banyak orang dari jumlah pendudok yang terdapat di-Amerika Sharikat.

Dalam musim bunga 1973 Wall Street mendapat tahu bahawa kegiatan besar2an ini di-bena atas sijil2 bank yang palsu, pita2 komputer yang di-ubah, surat2 perjanjian yang palsu dan polisi2 insuran yang penoh penipuan. Berita "The Wall Street Watergate" tersebar luas di-seluroh negara di-mana institusi2 kewangan saperti Equity Funding merupakan batu hampar pada masharakat.

Penerbit Brian Gibson pergi ka-Amerika Sharikat untok menemuramah orang2 dalam komplot jahat ini — kebanyakan mereka maseh lagi dalam penjara. Profeshenal2 yang terhormat dan berkelayakan tinggi — aktuari2, jurukira2, dan eksekutif2 pengurusan tertinggi — mereka tidak menganggap diri mereka sebagai penipu2; tetapi sebagai mangsa2 Impian Amerika. Dari pita2 ini dramatis Tom Clarke telah menchipta satu gambar ideoloji kejayaan yang di-bawa kapunchak yang tidak menasabah, dongeng Jeffersonian yang menjadi gila. Dengan chara lengkap dan penoh jenaka, ia menunjokkan komplot2 jahat ini menipu pegawai2 odit yang kian menjadi shak dengan chara2 yang mereka jalankan; kemunchak aksi ini ia-lah merampas komputer itu. Clarke mengingatkan negeri2 lain — perkara ini mungkin berlaku pada awda. Mungkin ia-nya telah berlaku.

GAMBAR bawah (kiri ka-kanan): James Woods sa-bagai Art Lewis dan Christopher Guest sa-bagai Al Green dalam "Billion Dollar Bubble", dokumentari minggu ini.





Ian Ogilvy memainkan peranan Simon Templar dalam "Return of the Saint".

# "Return of The Saint" siri baru di-RTB

RETURN of the Saint" siri baru RTB pada hari Ahad 18hb Februari jam 7.10 malam. Siri baru ini mempaparkan peristewa2 yang di-gemari buat bertahun2 lama-nya. Peranan yang di-chipta oleh Leslie Charteris: Simon Templar yang kekal tidak dapat dirosakkan itu terkenal juga dengan nama "The Saint". Dengan kedatangan yang baru tiba-lah Simon Templar.

Ian Ogilvey sekarang memainkan peranan itu. Sa-orang pelakon yang mempunyai bakat yang besar, dia juga sa-orang yang kachak sesuai dengan peranan-nya. Cherita2 ini membawa Simon Templar bekerja di-seluroh Eropah. Kebanyakkan dari pemandangan2-nya di-lakonkan di-Selatan Peranchis, tempat permainan kapada orang2 kaya. "The Saint" boleh juga menemui bahaya, tapi gaya hidup-nya sunggoh tinggi, kaya dengan barang2 mewah dan dia juga sentiasa di-kelilingi oleh perempuan2 chantek.

Dalam siri "The Judas Game" episod yang menarek minggu ini, "The Saint" berada di-Banjaran Itali. Sambil dia mendaki permukaan gunong, dia tidak menyedari yang dia sedang di-perhatikan dengan perhatian tajam dari dua orang kedua2-nya terdiri dari wakil2 M 16. Dia juga tidak menyedari yang teman-nya mendaki itu juga sa-orang wakil M 16 dan nyawa-nya benar2 di-ancham untok menduga kebolehan-nya, kekuatan dan tingkah laku-nya di-bawah tekanan. Jika dia berjaya dalam ujian itu dia akan di-berikan tugas: untok menyelamatkan sa-orang perwakilan yang chantek, sa-orang perempuan siapa yang pada suatu masa dulu pernah di-chintai, yang pernah di-cholek oleh kumpolan pengganas.

# KEPUTUSAN PEPEREKSAAN SIJIL DARJAH VI UGAMA

BERIKUT ia-lah senarai nama2 penuntut yang telah lulus pepereksaan Sijil Darjah VI Ugama yang telah di-adakan dalam bulan Disember yang lalu.

Sa-ramai 360 orang dari 580 orang penuntut telah lulus pepereksaan yang di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Pelajaran Ugama itu.

**DAERAH TEMBURONG**

**Sekolah Ugama Pg Muda Mohd. Bolkiah (Petang)**

Dayang Jariah bte Duraman/Drahman I, Isa bin Singgil I, Hajjah Jamilah bte Haji Yussop I, Rusli bin Hitam III.

**Sekolah Ugama Pg Muda Mohd Bolkiah (Pagi)**

Kasmah bte Haji Jumat lulus, Hasnah bte Samsudin II.

**DAERAH BELAIT**

**Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah, Pekan Seria**

Dy Halipah bte Abdul Hamid I, Jaharah bte Haji Madit lulus, Seriffah Hoslinah bte Wan Duli I, Dk Masrina bte Pg Abd Hamid I, Siti Rahimah bte Abdul Rahman I, Siti Hazibah bte Awang Tahir III, Dk Norlilawati bte Pg Ahmad I, Zainab bte Abdul Rahman I, Masni bte Yusuf lulus, Deriah bte Jamaie I.

Kartini bte Bair II, Effianom bte Haji Sarudin II, Zaitun bte Hashim III, Siti Jaliha bte Mahlim II, Afidah bte Timbang II, Siti Hajijah bte Wasli II, Norlaila bte Ahmad Tarju III, Dk Norhanie bte Pg Bakar I, Hamdani bin Ismail II.

Ali Yusof bin Damit I, Abdul Razak bin Md Jair I, Zainal bin Dollah lulus, Ahdani bin Abdul Ghani II, Mohd Salleh bin Ahmad I, Haji Daruis bin Haji Awang Omar I, Suhaili bin Bair III, Siti Hawa bte Mahlim III, Latipah bte Sapar II, Aisah bte Haji Ali Ahmad III.

**Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin**

Dk. Norliza bte Pg. Zainal I, Florinda bte Mejenis I, Hamidah bte Hasbi I, Indrah bte Ariffin I, Noorkhadizah bte Abu Naim I, Normah bte Haji Mohd Yusof I, Hassan bin Abd Rahman I, Idris bin Aji II, Md Amir bin Sapar I, Saifulbahri bin Mohammad I.

Sainah bte Mohamed I, Sinega bte Swadi I, Zulkipli bin Dullah I, Rosli bin Haji Taha I, Hamzah bin Ahmad I, Haslen bin Hasan I, Hani bte Haji Jimin I, Dk Suraidah bte Pg. Sulaiman I, Dk Rohani bte Pg Salleh I, Dk Norazah bte Pg Haji Mahmud I.

Rasidah bte Junaidi I, Zainab bte Naim I, Hasiah bte Mohd Salleh II, Norashikin bte Haji Abd Latip I, Sa'arah bte Dullah I, Azizah bte Yunos II, Mariah bte Haji Taha I, Norkiah bte Johari I, Muhammad bin Sion I, Sharifah Juhara bte Wan Musa I.

**DAERAH BRUNEI-MUARA**

**Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Masna (Petang)**

Rosni bte Bungsu I, Dy Maimunah bte Awang Hussin I, Dk Mardziah bte Pg Haji Omar II, Dy Hamdiah bte Awg Tahir I, Nursemsigh bte Md Tahir I, Hajjah Dayang Zanis bte Haji Mohd Don I, Ak Abd Ghani bin Pg Momin I, Azliah bte Md. Nor I, Zahidah bte Haji Ismail I, Wan Rahmani bte Haji Suhaili I.

Izzah bte R. Rahman II, Hasmah bte Abas II, Ummisalinah bte Haji Sablee I, Jamilah bte Yussof I, Juliana bte Haji Muhammad II, Latifah bte Awang Besar I, Marim bte Damit II, Mohd Salleh bin Awg Besar I, Zainalabadin bin Awg Besar I, Mahli bin Haji Hassan I.

Dk Jabaidah bte Pg Sulaiman I, Mahani bte Awang Serail II, Md Jaini bin Ibrahim I, Awang Marzuki bin Awang Haji Abd Rahman I, Isa bin Haji Hamid I, Hasnah bte Haji Mohd Yassin II.

**Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Masna (Pagi)**

Dayang Hajjah Tahniah bte P.O.K. Digadong Seri Lela Haji Mohd Taha II, Dayang Rakiah bte Tuah I, Rosna bte Mohamad I, Dk Mas Salwa bte Pg Mohd Said II, Hamidah bte Abdul Latip I, Dy Norhaini bte Awg Abas I, Dayang Noorjanah bte Ahmad II, Noraini bte Muhammad I, Dy Nooredah bte Abu Bakar II, Dy Rohani bte Md Hassan I.

Nahriah bte Awg Asbi I, Dy Ainah bte Awg Kaling II, Md Shukri bin Haji Md Zain I, Awg Haji Yakob bin Haji Mohd Yusof I, Rusdin bin Sulaiman I, Mohammad bin Abdul Kahar I, Awg Jaludin bin Mohamad I, Ak Ismail bin Pg Omar I, Kamran bin A. Bungsu I, Rumainah bte Adanan I.

Masni bte Ahmad III, Noraini bte Mohd Rakawi I, Hasnah bte Jumat I, Dy Salmah bte Ismail I, Noor Asihah bte Awg Tengah I, Fauziah bte Awang Salim II, Norsiah bte Damit lulus, Norzanah bte Md Hashim I, Ajijah bte Sulaiman lulus, Zainab bte Hitam III.

Dk Himah bte Pg Suhaili I, Dk Ros Mina bte Pg Mohamed II, Ak Hamdiah bin Pg Hashim II. Awg Sopian bin Manaf I, Zainab bte Haji Awg Tahir I, Dk Norhamidah bte Pg Ismail I, Dy Siti Fadilah bte Awg Haji Mohin I, Mohamad bin Md Salleh II.

**Sekolah Ugama Raja Isteri Pg Anak Saleha (Petang)**

Rosnah @ Rosniah bte Haji Kapitan I, Marsah bte Hamdan I, Saadiah bte Haji Tuah I, Hajjah Si-Rose bte Haji Musa I, Noraini bte Haji Zainal I, Tirahmat bte Mahali I, Dy Manis bte Kunchang III, Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim I, Mohd Zaidi bin Zakaria I, Zaili bin Zakaria I.

Ahmad bin Mohd Yassin I, Ak Sharifuddin bin Pg Haji Bakar I, Mohammad bin Mohammad Zain II, Rohayani bte Chuchu I, Normah bte Haji Mohammad I, Dy Siti Zaliha bte Haji Yusop I, Saimah bte Abdul Malik I, Jaimah bte Haji Jumat I, Fatimah bte Maktal I, Mariani bte Mohd Taib II, Rohani bte Tudin I, Mohd Don bin Abd Hamid II.

**Sekolah Ugama Raja Isteri Pg Anak Saleha (Pagi)**

Roslan bin Taha II, Haji Abdullah bin Haji Ismail II, Abd Aziz bin Jaafar II, Mashood bin Haji Jumat II, Misli bin Haji Mahrop III, Awg Amin bin Mohd Yassin II, Rosli bin Haji Tuah II, Lamit bin Omar I, Zaini bin Haji Bungsu I, Zohari bin Haji Ibrahim I.

Abu Talib bin Apong I, Suffian bin Mohd Daud II, Roslan bin Kassim II, Jailani bin Othman II, Hjh Janah bte Haji Mustapa I, Rohani bte Abdullah II, Aminah bte Hussain I, Dy Sarbiah bte Haji Kula I, Ruskhinah bte Ahmad I, Hjh Masni bte Haji Nassar I.

Asimah bte Haji Nordin II, Dy Khaltom bte M[illegible] Haji Metusin I, Siti N[illegible] bte Matussin @ Metussin I, [illegible]kiah bte Mohd Yasin I, Saadiah bte Haji Abas III, Dy Mariam bte Kasim lulus, Raimah @ Limah bte Sapar II, Siti Saleha bte Mohammad @ Mohamad I, Juani bte Haji Awg Tengah I, Fatimah bte Masri III, Norsiah bte Haji Yaakub lulus.

**Sekolah Ugama Pg Muda Al-Muhtadee Billah (Petang)**

O'yah bte Omar I, Dy Aslinda bte Md Zainal I, Sainah bte Haji Metarsat I, Normah bte Md Said I, Dy Naemah bte Metussin II, Dy Siti Safiah bte Pg Haji Othman II, Juwita bte Alihassan I, Hajjah Siti Mariam bte Haji Abd Lamit I, Fatimah bte Haji Mohamad Ali I, Haji Abdullah bin Mudim Haji Wahid II, Dayang Kula bte Chuchu I.

**Sekolah Ugama Pg Muda Al-Muhtadee Billah (Pagi)**

Zainab bte Taha I, Jaliha bte Haji Juna I, Mastura bte Sani lulus, Rosesiah bte Haji Metussin @ Haji Metusin III, Masni bte Haji Abdul Hamid I, Dy Siti Aminah bte Awg Besar I, Dk Noralam bte Pg Othman I, Noraini bte Muhammad I, Rosmah bte Mohamed Zainal I, Hjh Norleha bte Abd Rahman I.

Abd Wahab bin Haji Tamin III, Abu Bakar bin Hitam I, Yussof bin Nazib I, Abd Rahman bin Apong I, Abd Razak bin Zainal I, Md Yakub bin Haji Tuah I, Sallehuddin bin Ibrahim I, Zaini bin Haji Omar I, Abdul Karim bin Bini II, Ali Amat bin Ali Hassan I, Wadi bin Md Tuah I.

**Sekolah Ugama Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan**

Armah bte Pehin Kh Abd Hamid I, Zulsukarla bin Zulkiflie I, Norliza bte Johari II, Wan Shahlimar bte Haji Suhaili I, Hajjah Julia bte Haji Yusof I, Rose Dalilah bte Md Ramli I, Rakiah bte Abdullah I, Juriah bte Abd Hamid I, Haji Musthapa bin Haji Metahir II, Lazim bin Haji Nayan lulus.

Ahmad bin Naim I, Dk Roselawati bte Pg Halus II, Norashukin bte Abd Rahman I, Fatimah bte Haji Salleh I, Hjh Aminah bte Haji Usop I, Saniah bte Sani I, Hasney bte Mat Yassin lulus, Dk Halipah bte Pg Haji Kamaluddin I, Sitihawa bte Haji Sahat III, Ak Bahrin bin Pg Bahar II.

Mijah bte Sidop lulus, Maskhawi bte Haji Ahmad II, Abd Rahim bin Haji Metussin II, Mastura bte Omar I, Nooralam bte Mohd Noor lulus, Noraini bte Mahmud II, Zaleha bte Mohd Salleh II, Shahrani bte Haji Misli III.

**Sekolah Ugama Surau Delima Satu, Delima Satu**

Ak Norjaidi bin Pg Tuah I, Ak Alidin Ansari bin Pg Jaafar II, Ak Kamarolzaman bin Pg Abdul Rahman I, Ak Ismail bin Pg Aliuddin lulus, Zaini bin Haji Mohd Yakop I, Ne'emah bte Haji Abdi Manaf I, Zainab bte Haji Abd Lamid III, Dy Sadiah bte Pg Kalong I, Noorhasdah bte A. Noordin II, Kamariah bte Ismail lulus.

Dk Rakiah bte Pg Haji Yusof III, Mahyon bte Awg Umar I, Sarimah bte Awang Tengah III, Norhayati bte Ahmad I, Hairani bte Mohammad I.

**Sekolah Ugama Persatuan Tiba (Petang)**

Dk Mastura bte Pg Nordin I, Johari bin Salleh I, Junaidah bte Haji Suhaili I, Abidin bin Lajim lulus, Dk Noraini bte Pg Nordin I, Roslan bin Haji Ali I, Ismail bin Md Arshad I, Jamaluddin bin Timbang lulus, Safiah bte Jair I, Aminah bte Badaluddin I.

Abdullah bin Md Jair I, Nafsiah bte Paka I, Jaimah bte Nudin I, Normah bte Momin II, Maimunah bte Hussin II.

**Sekolah Ugama Persatuan Tiba (Pagi)**

Dy Naimah bte Haji Kamaluddin I, Siti Alizah bte Haji Bagol I, Khairani bte Haji Abd Karim I, Norleha bte Awg Ering I, Mohd Dayang bin Haji Hashim II, Hairani bte Lamit I, Royah bte Nudin I, Dy Siti Muslihat bte Salleh I.

**Sekolah Ugama Setia Ali Muara**

Esa bin Kula I, Sarbini bin Kula I, Hashim bin Tuah II, Ibrahim bin Tamin I, Ak Roslan bin Pg Haji Abd Rahman I, Dk Mariam bte Pg Bunut I, Dk Taisah bte Pg Haji Abd Rahman I, Dk Aisah bte Pg Timbang I.

**Sekolah Ugama Bendahara Sakam Bunut (Petang)**

Mohidin bin Mohamad I, Mat Zain bin Menudin I, Norsiah bte Kunchang I, Dk Basmidah bte Haji Abas II, Pg Zahiratulaini bte Pg Muda Hashim II.

**Sekolah Ugama Bendahara Sakam Bunut (Pagi)**

Mohammad Jamil bin Haji Abd Hamid I, Mohammad Saifuddin bin Haji Mahalle I, Dy Noraini bte Anggas I, Afsah bte Ahmad I, Norhamidah bte Basiuni II.

**Sekolah Ugama Kiulap (Pagi)**

Mohd Nor bin Haji Sarbini I, Mahmud bin Haji Ahmad I, Adnan bin Adam I, Norsinah bte Tuah lulus, Aishah bte Mohd Daud II, Zaleha bte Rabaha II, Nornah bte Ibrahim lulus, Rokiah bte Maidin lulus, Salmah bte Kula II.

**Sekolah Ugama Sultan Abdul Bublin, Sungai Besar**

Suhaili bin Kula I.

**Sekolah Ugama Delima Satu, Berakas**

Ak Julkifli bin Pg Chuchu I, Awg Suhaimi bin Abd Karim I, Dk Maimunah bte Pg Metahir II, Normah bte Ibrahim I, Dk Zulnorain bte Pg Sarifuddin I, Dy Rosni bte Duraman I, Dk Jamilah bte Pg Md Yussof I, Norsiah bte Md Yussof I, Rahimah bte Pauji I, Dy Rokiah bte Awg Taha I.

Dy Nuridah bte Sulaiman I, Zaharah bte Abd Hadi II, Rogayah bte Mohd Taha I, Dk Norlia bte Pg Abd Rahman II, Maimunah bte Karim I, Dk Halijah bte Pg Damit I, Rashidah bte Mohammed Zain II, Dy Ajijah bte Mohd Salleh I.

**Sekolah Ugama Kilanas (Petang)**

Azizah bte Ibrahim I, Hasnah bte Matsarudin I, Zaiton bte Haji Tuah I, Dy Saebah bte Haji Zainin II.

**Sekolah Ugama Gadong**

Dy Siti Afsah bte A. Kadir I, Ayang bte Yassin I, Armah bte Abidin I, Dk Halimah bte Pg. Haji Damit I, Rosinah bte Sulaiman I.

**Sekolah Ugama Dato Gandi**

Sa'adiah bte Haji Ibrahim II, Rakiah bte Haji Md Tahir II, Dy Arbi bte Tamin I, Dayang Asmara bte Haji Matahir @ Haji Md Tahir II, Manan bin Yusof II, Aslan bin Tengah lulus, Rosni bte Sulaiman lulus, Norain bte Awang Damit II.

**Sekolah Ugama Sengkurong (Petang)**

Mariah bte Manaf II, Md Yasin bin Siau I.

**Sekolah Ugama Orang Kaya Besar Imas, Subok**

Masni bte Safar III, Dy Sintan bte Samat I, Fatimah bte Awg Aji I, Simbe bte Haji Ahmad I, Jauyah bte Sidup I, Norati bte Ahmad II.

**DAERAH TUTONG**

**Sekolah Ugama Pekan Tutong**

Halimah bte Suhaili II, Halimah bte Mahari I, Jamilah bte Haji Manaf I, Hajjah Siti Mardianah bte Abdul Halim II, Zunaidah bte Othman I, Mariam bte Mohammad I.

**Sekolah Ugama Tanjong Maya**

Ali Nordin bin Haji Mohd Diah I, Noor Aisah bte Zubaidi I, Karitini bte Abu Bakar III, Siti Hawa bte Dulasim II.

## Pameran Perkembangan Daerah Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Muzium Brunei akan mempamerkan perkembangan2 yang telah dan sedang berjalan di-daerah2 di-seluroh negeri. Sa-bagai permulaan Muzium itu akan mempamerkan perkembangan2 di-Daerah Tutong mulai 15hb Mei depan.

Menurut Pengarah Muzium2 Brunei, Pg Dato P.M. Shariffuddin pameran itu ia-lah untok mengenalkan perkembangan2 dan memberi gambaran sa-chara lebeh dekat tentang daerah2 yang berkenaan kapada orang ramai khas-nya kapada raayat dan pendudok negeri ini.

Kata-nya pameran itu akan meliputi bidang2 pentadbiran; kegiatan2 jabatan2 Kerajaan, soal2 ekonomi dan pekerjaan pendudok kampong, peta2 lama, perkembangan Ugama, Pelajaran, Kesihatan dan Perubatan dan Pulis dan lain2-nya.

Untok menjayakan pameran ini, Pg Dato P.M. Shariffuddin meminta kerjasama jabatan2 yang berkenaan untok menghantar penerangan2 termasok gambar2 yang bersangkutan dengan jabatan2 masing2.

## Buku Panduan Talipon

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Talikom Brunei akan membahagi2kan Buku Panduan Talipon 1979. Pelanggan2 yang ingin untok mendapatkan Buku Panduan itu boleh-lah datang ka-pejabat2 Talikom di-Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Seria, Tutong dan Bangar dengan membawa borang mendapatkan panduan yang terdapat di-muka 4 dari Buku Panduan Talipon 1978.

## Gerakan menyembor DDT

PEKAN TUTONG. — Gerakan menyembor ubat DDT dan penyelidekan penyakit malaria akan di-teruskan di-Daerah Tutong.

Rombongan penyembor dari Bahagian Projek Penghapus Malaria akan memulakan penyemboran mulai hari ini dan akan berakhir pada 27hb Februari. Dalam tempoh itu sa-banyak 10 buah kampong akan terlibat dalam gerakan tersebut.

Kampong2 tersebut ia-lah Bebuloh pada hari ini, 14hb Februari; Menengah pada 15hb Februari; Bukit Sulang pada 17hb Februari; Layong pada 29hb Februari; Tg. Dangar pada 20hb Februari; Batang Belulop pada 21hb Februari; Panchong Layong pada 22hb Februari; Pk Piton pada 25hb Februari; Benutan pada 26hb Februari dan Tg Ungar pada 27hb Februari.

Jadual bagi penyelidekan penyakit malaria pula saperti berikut:

Kampong Mungkom pada 14hb Februari; Kg Menengah pada 15hb Februari; Kg Bukit Sulang pada 17hb Februari; Kg Layong pada 19hb Februari; Kg Bang Pangan pada 20hb Februari; Kg Batang Belulop pada 21hb Februari; Kg Batang Pitan pada 22hb Februari dan Tg Ungar pada 24hb Februari.

# SEKITAR PERHIMPUNAN DAN PERA







LEBEH dari 33,000 orang umat Islam di-Daerah Brunei-Muara telah menyertai perhimpunan dan perarakan bersempena hari keputeraan junjongan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. pada hari Sabtu lalu.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pg Muda Mohammad Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pg Muda Haji Sufri Bolkiah telah berangkat menyertai perhimpunan yang di-adakan di-Padang Besar itu (gambar atas).

Dalam perarakan sa-jauh kira2 tiga batu itu telah didahului oleh Ahli2 Jawatankuasa Sambutan yang juga disertai oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; YAB Menteri Besar dan lain2 pembesar negara (gambar kiri).



PASOKAN2 bersenjata kita juga tidak ketinggalan menyertai perarakan pada hari itu. Pasokan Pulis Diraja (gambar atas) dan gambar bawah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.







# TAMBAHAN KHAS BERWARNA SEMPENA

## *Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Brunei/United Kingdom*



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, DK., PSSUB., DPKG., DPKT., PSPNB., PSNB., PSLJ., SPMB., PANB., GCMG., DK. (Kelantan), DK. (Johor) dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Darussalam sedang menchatetkan tanda-tangan Baginda di-Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Negeri Brunei dengan United Kingdom pada 7hb Jan., 1979 yang lalu.



YANG Amat Berhormat Lord Goronwy-Roberts of Caernarvon and of Ogwen, Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, selaku wakil Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ketika menanda-tangani perjanjian tersebut.

*UCHAPAN YANG AMAT BERHORMAT LORD GORONWY-ROBERTS, MENTERI NEGARA BAGI HAL EHWAL LUAR DAN KOMANWEL BRITISH DI-ISTIADAT MENANDA-TANGANI PERJANJIAN PERSAHABATAN DAN KERJASAMA ANTARA BRUNEI DENGAN UNITED KINGDOM PADA 7HB JANUARI, 1979. (TEKS UCHAPAN TERJEMAHAN DARI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA. — Pengarang)*

DULI Tuanku, Sir Omar, Yang Teramat Mulia Putera Michael of Kent, dan sahabat2. Pertama-tama-nya hari ini ada-lah suatu hari yang istimewa dan menggembirakan bagi diri saya untok menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Brunei dengan United Kingdom bagi pehak Kerajaan Baginda Queen.

Ini ada-lah suatu yang menggembirakan serta penoh kejayaan hasil daripada perundingan2 yang telah berjalan buat beberapa tahun di-antara Duli Tuanku dengan Kerajaan British. Ini ada-lah kunjongan saya yang kedua ka-Brunei. Sa-panjang kunjongan saya yang sengkat tetapi menggembirakan ka-negeri Duli Tuanku ini, saya merasa kagum yang sa-bilangan raayat Duli Tuanku mengetahui Britain dengan baik samada melalui pengajian atau latehan, dan orang2 yang sa-negeri dengan saya mempunyai ristaan mesra kapada Duli Tuanku dan Negeri Brunei yang mereka itu telah memileh untok menchurahkan bakti seluroh atau sa-bahagian kerjaya mereka untok berkhidmat di-Brunei.

Perhubongan sa-sama manusia ini-lah menjadi dasar persahabatan mesra dan rapat di-antara kedua-dua negeri dan raayat kita dan telah tahan di-uji masa. Ada-lah menjadi hasrat Kerajaan Baginda Queen dan harapan saya juga yang kita dapat bersama-sama mengikhtiarkan suatu penyelanggaran demi membolehkan keadaan yang menggembirakan ini berterusan dalam suasana yang berubah-ubah pertengahan tahun kurun ke-20.

Saya gembira yang kita telah berjaya dalam usaha-sama kita, dan ini sa-bahagian besar-nya ada-lah di-sebabkan oleh ketekunan serta kechekapan penasehat2 dan pegawai2 kita masing-masing. Perundingan2 kita yang memakan masa yang lama dan teliti tetapi sentiasa dengan perasaan muhibbah telah di-chirikan oleh pandangan jauh serta perhatian berat Duli Tuanku terhadap kesejahteraan raayat Duli Tuanku.

Saya yakin yang kepekaan terhadap chita-rasa dan kegiatan raayat Duli Tuanku sambil mereka turut-serta dalam penerus-

Lihat muka 4

*TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN SIR MUDA HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH DI-ISTIADAT MENANDA-TANGANI PERJANJIAN PERSAHABATAN DAN KERJASAMA BRUNEI-UNITED KINGDOM PADA AHAD 7HB JANUARI, 1979, BERSAMAAN DENGAN 7HB SAFAR, 1399 HIJRAH.*

BETA bershukor ka-hadhrat Allah s.w.t. di-atas segala limpah rahmat-Nya dan salam serta salawat bagi Nabi Besar kita Mohammad s.a.w., kaum kerabat, sahabat2 dan pengikut2 Baginda yang setia serta jujor lagi beriman sa-hingga ka-akhir zaman.

Beta dengan hati yang ikhlas sukachita mengalu-alukan kedatangan Menteri Negara YAB Lord Goronwy-Roberts, selaku wakil DYMM Paduka Seri Baginda Queen di-istiadat untok menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di-antara Negeri Brunei dengan United Kingdom.

Beta juga ingin menyatakan kegembiraan Beta di-atas kehadhiran YTM Prince Michael of Kent dan Beta sa-sunggoh-nya menghargai kesudian Paduka Seri Baginda Queen memperkenankan bagi YTM Prince Michael of Kent melawat Brunei berkebetulan dengan sempena istiadat menanda-tangani perjanjian yang baru.

Istiadat yang berlangsong hari ini ada-lah menandakan suatu detik yang amat bersejarah dalam perhubongan di-antara Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen dengan Kerajaan Beta.

Oleh kerana perjanjian yang baharu ini menchatetkan hakikat oleh kedua-dua belah pehak untok meneruskan serta memperkukohkan lagi ikatan persahabatan dan kerjasama yang mesra lagi rapat yang telah di-jalin lebeh sa-ratus tahun dahulu.

Sa-bagaimana yang di-maksudkan perjanjian yang baru ini, Insha Allah akan membolehkan Negeri Brunei menchapai sa-mula taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penoh merdeka lagi berdaulat dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Beta dan Kerajaan Beta penoh menyedari bahawa kemerdekaan bagi Negeri Brunei itu akan menambahkan lagi bebanan dan tanggong-jawab yang berat kapada Kerajaan Beta dan kemerdekaan itu akan menimbulkan berjenis-jenis chabaran kapada sa-buah negara yang kechil dan serba-serbi kekurangan saperti Negeri Brunei ini, namun demikian Beta dan Kerajaan Beta dengan bertawakkal kapada Allah s.w.t. berazam untok berbuat sa-daya-upaya pada menyusun persediaan2 dan persiapan2 bagi Negeri Brunei menghadapi ketika yang amat gemilang itu.

Dalam membuat persiapan2 itu mulai dari sekarang Kerajaan Beta serta Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen di-atas pengakuan2 yang telah di-berikan oleh-nya untok membantu serta menolong Kerajaan Beta pada memenohi keperluan2 di-berjenis-jenis lapangan bukan saja mulai dari sekarang malahan bagi masa2 yang akan datang sa-lepas Brunei menchapai kemerdekaan-nya nanti.

Pada mengakhiri uchapan Beta ini, Beta ingin mengambil kesempatan untok menguchapkan berbanyak-banyak terima kaseh dan penghargaan kapada semua kaki-tangan Kerajaan Beta termasok pegawai2 yang terdiri dari raayat Paduka Seri Baginda Queen dari United Kingdom di-atas segala usaha yang ikhlas mereka telah taborkan dalam mentadbirkan Kerajaan Beta.

Begitu juga Beta ingin menchatetkan penghargaan Beta kapada semua pegawai dan anggota2 pasokan bersenjata Paduka Seri Baginda Queen yang telah bersama-sama berganding bahu dengan pasokan2 keselamatan Negeri Brunei pada menjaga keamanan dan keselamatan Negeri Brunei Darussalam.

Dan Beta berdo'a kapada Tuhan Yang Asa — mudah2an kerjasama ikhlas, erat lagi mesra itu akan berbenderang untok sa-lama2-nya. Mudah2-an Allah s.w.t. akan senantiasa memberikan perlindongan kapada negara kita Brunei Darussalam yang mempunyai Raja di-dalam-nya dan memberikan hidayat dan petunjok-Nya kapada kita semua dalam menjalankan usaha2 yang jujor lagi berkebajikan yang di-redhai-Nya.

# SAKSI2 YANG TERMASOK MENANDA-TANG[illegible] PERSAHABATAN-KERJASAMA BRUNEI-UNITED KINGDOM



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, DK., SPMJ (Johor), CVO., PHBS., PBLI., PJK. saksi kedua.



YANG Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., CVO., OBE., PHBS., PBLI., PJK., Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan saksi ketiga.





GAMBAR atas Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalah Pengiran Haji *Damit bin* Pengiran Metussin, DK., DSNB., DPMB., SLJ., PJB., PHBS., *PJK.* saksi ke-enam.

GAMBAR kanan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee, DK., SPMB., DSNB., OBE., PHBS., PBLI., PJK., Pegawai Kewangan Negara saksi kesepuloh.

YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, DK., PHBS., saksi ketujoh.

# NI PERJANJIAN





ANTARA orang2 kenamaan negara kita yang menurunkan tanda-tangan sa-bagai saksi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-istiadat yang bersejarah itu ia-lah gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, DK., GCVO., KCMG., PSSUB., PHBS., PBLI., yang menjadi saksi pertama. (Gambar ehsan Muzium).



SA-BAGAI saksi Kerajaan Baginda Queen, Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson ketika menurunkan tanda-tangan di-istiadat tersebut.

YANG Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohamed 'Alam ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, DK., SPMB., DSNB., OBE., POAS., PHBS., PJK. (gambar kiri) turut menanda-tangani perjanjian tersebut sa-bagai saksi kelima bagi Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.

SAKSI ke-empat di-istiadat itu ia-lah gambar kanan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, DK., DSNB., DPMB., MVO., PHBS., POAS., PBLI., PJK., Menteri Besar Brunei.







YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, PSNB., DPMB., SLJ., PJK., Setia Usaha Kerajaan Brunei saksi kelapan.

GAMBAR bawah, Yang Berhormat Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, PSNB., PHBS., Peguam Negara sa-bagai saksi kesembilan.



Dari muka 1

an pembangunan Negeri Brunei yang tetap dan stabil akan mengukohkan lagi kedudokan Duli Tuanku. Juga Duli Tuanku ada-lah perchaya yang Britain ada-lah berhasrat untok memainkan peranan sa-penoh-nya dalam pembangunan itu.

Saya perchaya Duli Tuanku saperti juga Kerajaan Baginda Queen telah mendapat perangsang yang kuat daripada minat yang di-tunjokkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen sa-panjang perundingan2 kita dan juga masa depan perhubongan Brunei dengan United Kingdom.

Kehadhiran Yang Teramat Mulia Putera Michael of Kent di-sini hari ini atas hasrat Baginda Queen ada-lah bokti perhatian terus-menerus Baginda untok mengekalkan serta mengukohkan perhubongan kita dan keperchayaan kami terhadap kekukohan-nya.

Hari ini menandakan suatu detik baru dalam perhubongan kita. Sa-bagai saorang yang di beri penghormatan untok memainkan peranan di-dalam-nya, saya mengambil peluang ini bagi pehak Kerajaan Baginda Queen menguchapkan semoga Duli Tuanku, Paduka Ayahanda Duli Tuanku, dan raayat Brunei memperoleh keberuntongan pada masa depan.

Saya sekali lagi meyakinkan Duli Tuanku yang Duli Tuanku akan sentiasa menekmati sokongan Kerajaan Baginda Queen dalam usaha2 Duli Tuanku. Kami menghormati adat resam Duli Tuanku dan hasrat kita bersama untok bergerak ka-muka sa-bagai sahabat yang paling karib.

Saya tahu bahawa jiran2 Brunei yang terdekat dan banyak lagi sahabat yang lain juga menguchapkan selamat, yang Duli Tuanku dapat membawa Brunei bergerak maju dengan sa-penoh-penoh kesedaran terhadap sokongan tulus ikhlas yang akan di-nekmati Brunei dari negara2 sa-rantau dan antarabangsa dalam masa Brunei bersedia-sedia mengambil tempat-nya sa-bagai sa-buah negara merdeka penoh dalam kerjasama antara negara.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika di-junjong memereksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari anggota2 'D' Kompeni Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei sa-belum Baginda berangkat dan bersemayam di-pataratna untok menyempurnakan Istiadat Menanda-tangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Brunei dengan United Kingdom.

BRIGADIER (gambar atas) Dato Seri Pahlawan Norman Roberts, PSPNB., CBE., Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei saksi ke-sa-belas.

DATO Seri Paduka (gambar kanan) Charles Fletcher-Cooke, SPMB., QC., MP., Penasehat Perlembagaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan saksi ke-dua-belas.





YANG Berhormat (gambar atas kanan) Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohd. Taha, DK., SPMB., DSSUB., DSLJ., PSB., MVO., POAS., PHBS., PJK. saksi ketiga-belas.



YANG Berhormat (gambar atas) Pehin Datu Temenggong Dato Seri Paduka Awang Lim Cheng Choo, SPMB., SNB., POAS., PHBS., saksi ke-empat-belas.

YANG Berhormat (gambar kanan) Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking, POAS. saksi ke-eman-belas.





YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, DK. PSSUB., DSLJ., PHBS., saksi kelima-belas.

# ...KAN MAULUD NABI DI-IBU NEGERI





SA-TELAH melafadzkan titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan memereksa barisan peserta2. Gambar2 atas dan bawah kelihatan ketua2 pasokan junjong ziarah kapada Baginda Yang Dipertuan.







... atas menunjokkan Padang Be... ...jiri oleh ribuan manusia yang ...impunan Maulud pada hari

...a pagi itu di-mulakan dengan ... suchi Al-Kor'an oleh Awang ... Abu Bakar (atas) dan di-ikuti ... khas oleh Y.B. Pehin Datu ...ika Seri Setia Haji Abd Hamid ...kanan) dan sembah alu2an oleh ...tua Pegawai Hal Ehwal Ugama, ...ya bin Haji Ibrahim (kanan).







PERSEMBAHAN Marhaban yang di-sertai oleh pegawai2 masjid dan dua orang peserta dari tiap2 pasokan yang menyertai perhimpunan itu.



# BERBAGAI PERADUAN UNTOK SEKOLAH2

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Pelajaran tahun ini sekali lagi sedang menyusun beberapa peraduan bagi murid2 dan penuntut2 sekolah seluroh negeri termasok peraduan bagi merayakan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-33 tahun.

Antara peraduan itu termasok-lah Peraduan Tarian Asli Brunei kali yang kelima yang terbuka kapada penuntut2 lelaki dan perempuan di-sekolah2 menengah dan maktab termasok sekolah2 Misi dan China.

Peraduan ini terbahagi kapada dua bahagian — bahagian sekolah2 rendah dan persediaan Inggeris dan bahagian sekolah2 menengah dan maktab. Tiap2 sekolah ada-lah di-kehendaki menyediakan tidak lebeh dari 10 orang peserta lelaki atau perempuan bagi sa-buah tarian atau berchampor.

Pakaian para peserta hendak-lah berchorak ke-Bruneian atau kebudayaan Brunei mengikut jenis tarian yang di-persembahkan, manakala tarian dan sistem muzik atau nyanyian hendak-lah berunsor atau berthema kebudayaan Brunei Asli.

Sa-banyak kira2 10 buah jenis tarian asli akan di-pertandingkan dalam peraduan itu termasok Alus Jua Dendang, Anding, Dang Mengalai, Naindong, Hola-Hola dan Lanang Beladu Lanang. Tiap2 tarian hendak-lah di-bawakan sa-lama enam minit.

Sementara itu peraduan berbalas pantun kali kelima yang terbuka kapada semua penuntut dengan tidak mengira tingkatan. Tiap2 sekolah di-kehendaki menghantar dua pasokan yang terdiri pasokan lelaki dan perempuan, dan satu pasokan mengandongi tiga orang di-samping sa-orang peserta simpanan.

Bagi menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang ke-33 tahun, peraduan pameran seni-lukis dan pertukangan-tangan sekolah2 rendah dan persediaan Inggeris kali ke-empat belas akan di-adakan dalam bulan Julai depan.

Peraduan ini terbahagi kapada tiga kumpolan, Kumpolan 'A' bagi murid2 berumor 6 hingga 7 tahun, Kumpolan 'B' bagi murid2 berumor 8 hingga 9 tahun dan Kumpolan 'C' bagi murid2 berumor 10 hingga 12 tahun untok murid2 sekolah rendah Melayu.

Sementara bagi murid2 persediaan Inggeris, Kumpolan 'A' bagi Prep I, Kumpolan 'B' bagi Prep II dan Kumpolan 'C' bagi Prep III.

Jenis2 lukisan yang akan di-pertandingkan bagi pameran tahun ini ada-lah sa-rupa dengan tahun lalu. Peraduan ini akan di-mulakan dengan pameran di-perengkat daerah2 seluroh negeri, dan lukisan2 serta hasil kerja-tangan yang berjaya akan di-bawa ke perengkat sa-negeri.

## Komplek Pusat Penyelidekan Pertanian



KILANAS. — Perengkat pertama komplek Pusat Penyelidekan Pertanian telah siap baru2 ini dan telah pun mula di-gunakan minggu lalu. Komplek yang menelan belanja kira2 sa-juta ringgit itu terletak di-kawasan Steshen Pertanian Kilanas dan mempunyai empat buah bangunan. Bangunan pertama ia-lah bangunan pentadbiran yang mengandongi bilek persidangan, khutub khanah dan bahagian gambar. Bangunan2 lain masing2 menempatkan pejabat2 dan makmal2 bahagian Kajimusoh Tumbohan, Kajipenyakit Tumbohan dan Agronomi.

Perengkat kedua komplek tersebut yang akan mengandongi pejabat dan makmal bagi Bahagian Tanah dan Kajimimia; bangunan2 untok menyimpan biji2 beneh dan kimia ladang akan di-bena kemudian.

Sementara itu bangunan untok Kerantin Tumbohan di-tapak semaian bunga, Jabatan Pertanian di-Kampong Anggerek Desa juga telah siap di-bena dengan menelan belanja sa-banyak $175,000.00.

## J-kuasa baru PERANGKAB

**BERAKAS. — Sa-buah jawatankuasa baru untok mentadbir Persatuan PERANGKAB bagi tahun 1979/80 telah di-bentok baru2 ini.** Jawatankuasa itu telah di-bentok dalam mashuarat agong tahunannya yang berlangsong di-Dewan persatuan itu pada 29hb Januari yang lalu.

Ketua Kampong Burong Pingai, Berakas, Awang Haji Mohd Yusof bin PDI Haji Mokti telah di-lantek sa-bagai Penaong.

Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong masing2 di-pileh semula sa-bagai Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua. Pengerusi tetap ia-lah Awang Abdul Mokti bin Mohd Daud.

Setia Usaha Agong — Awang Alidin bin Othman dan Naib Setia Usaha Agong — Awang Juned bin Haji Ramli. Bendahari Awang Abdul Razak bin Kaling.

Lain2 yang di-lantek ada-lah saperti berikut:

Setia Usaha Sokan — Awang Ilmi bin Haji Abdul Ghafar, Penolong — Awang Mohd Zain bin Haji Abdul Ghafar.

Setia Usaha Kesenian — Awang Mohd Amin bin Mudim Siraj dan Penolong-nya Awang Hassip bin Mayassin.

Setia Usaha Pelajaran dan Ugama — Awang Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar dan Penolong-nya Awang Razali bin Mohd Yusof.

Setia Usaha Kebajikan — Awang Abdul Wahab bin Haji Tengah dan Penolong-nya Abang Rashidi bin Haji Abang Suhaili.

Setia Usaha Persuratan — Awang Abdul Hakim bin Mohd Yassin dan Penolong-nya Awang Junaidi bin Kaling.

Pemereksa Kira2 — Awang Mustafa bin Haji Puteh dan Awang Mansor bin Haji Murat.

Pengawas Harta Benda — Awang Abdullah bin Awang Sahari, Awang Jambol bin Haji Murat dan Awang Zainal Ariffin bin Mudim Siraj.

## Penggambaran x-ray di-teruskan

PEKAN TUTONG. — Kempen penggambaran x-ray bagi pendudok2 Daerah Tutong akan di-teruskan dalam bulan ini. Satu rombongan yang di-ketuai oleh Pelawat Kesihatan Batok Kering, YAM Pengiran Lela Perkasa Pengiran Haji Mohd Said bin Pg Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar akan menjalankan pendaftaran ka-atas pendudok2 Kampong Keriam mulai esok, 15hb Februari hingga 17hb Februari.

Penggambaran x-ray bagi pendudok2 di-kampong tersebut akan bermula pada 19hb Februari di-Rumat Sakit Pekan Tutong. Tarikh dan waktu penggambaran mereka akan di-berikan oleh kaki-tangan unit itu semasa menjalankan pendaftaran dari rumah ka-rumah itu.



GAMBAR atas menunjokkan sa-bahagian dari peserta yang kini mengikuti Kursus Intensif Asas Perpustakaan ketika hadhir di-upachara pembukaan rasmi pada 31hb Januari yang lalu. Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka itu di-hadhiri oleh 38 orang peserta dan akan berakhir pada 28hb Februari ini.



# uang adek2 nyertai Peraduan anyian Bintang chil 1979

AGIAN Melayu RTB akan meng-
njorkan Peraduan Nyanyian Bin-
echil Radio 1979 bagi kali yang
iya. Kanak2 yang berumor 7
12 tahun, di-persilakan untok me-
pertandingan tersebut. Sharat2
orang2 untok menyertai-nya, boleh
ti di-Bahagian Melayu RTB Ting-
pada waktu2 pejabat di-buka.

kh tutop untok menghantar borang
onan tidak lewat pada hari RA-
hb Februari 1979 jam 4.00 petang.

ian pertandingan Bintang Kechil
di-adakan, ia-lah untok menchari
kanak2 di-bidang seni suara untok
igan2 Radio dan TV Brunei di-
epan.

ai-lah Peraduan Bintang Kechil
1979. Peraduan ini terbuka kapada
warga negara Brunei yang di-
awal tahun 1967 hingga awal

DALAM ruangan 'Sisawazah Brunei' minggu ini, Awda pendengar Radio akan berpeluang pula untok mengikuti ramah mesra penerbit ranchangan tersebut dengan Awang Haji Othman bin Haji Yaakub, salah sa-orang bekas pelajar Melayu, yang memperolehi ijazah dalam jurusan kejuruteraan awam dan kini memegang jawatan sa-bagai Penolong Pengarah Kerja Raya.

Kelihatan Awang Hj Othman sedang ditemu ramah oleh Dayang Vivianty Ali dari Bahagian Inggeris Radio Brunei, yang juga akan menyiarkan ranchangan tersebut pada masa yang akan di-tentukan. 'Sisawazah Brunei' akan dapat di-ikuti pada tiap2 hari Jumaat jam 7.30 malam dan siaran ulangannya pada tiap2 hari Sabtu jam 1.00 tengah hari, dari Bahagian Melayu Radio Brunei.

## Quincy: "Touch of Death"

SIRI ini mengesahkan Quincy dan pembantu-nya Sam Fujiyama menerima panggilan tentang kematian sa-orang bintang seni pertahanan Tad Kamura, yang dengan tiba2 mati tanpa sebab yang tertentu ketika melakunkan sa-buah filem.

Sam, saudara kapada Tad, memaksa Qunicy supaya jangan menjalankan pemereksaan mayat, memandangkan adat-resam orang2 Jepun yang melarang kekerasan di-lakukan pada mayat mangsa itu.

Dengan bantuan sa-orang polis Lt Monahan, Quincy mendapati beberapa orang yang di-shakki yang mempunyai tujuan2 untok membunoh pelakon itu dan mendesak untok melakukan satu pemereksaan mayat.

**GAMBAR bawah: Jack Klugman (tengah) dan Robert Ito (kanan) sedang memerhati sa-bagai pelakun undangan Frank Michael Liu mempersembahkan Seni Pertahanan Jepun dalam "Touch of Death", episod Quincy pada hari Jumaat jam 9.30 malam.**



# PERTANDINGAN MUTIKA '79 SUKU AKHIR SIRI NO. 7

## Tarikh siaran: 18hb Feb. 1979

TUJOH orang peserta akan bertanding dalam bahagian suku akhir MUTIKA '79 ke-tujoh. Mereka ada-lah saperti yang AWDA dapat saksikan dalam gambar di-bawah ini. Dua di-antara mereka akan di-tentukan oleh para hakim yang di-lantek untok memasoki pusingan separoh akhir dan peserta yang ketiga ada-lah pilehan AWDA sendiri.

Di-bawah ini kami sediakan satu petak kosong bagi AWDA memileh siapakah PESERTA YANG KETIGA yang layak yang AWDA chalonkan memasoki pusingan separoh akhir nanti. AWDA hanya di-kehendaki membuboh Nombor saja ka-dalam petak yang kosong, dalam Borang di-sediakan, di-bawah.

Pilehan AWDA mesti-lah sampai kapada Penerbit MUTIKA '79 tidak lewat dari hari Sabtu 24hb Februari, 1979 jam 3.00 petang.



1. Lim Keh Soon



2. Hjh. Khadizah btc Haji Md. Hussin



3. Goh Choi Ching



4. Dk. Zaiton Pg. Abdul Wahab



5. Pg. Bujang Pg. Suhaili



6. Zaiton Mohd. Ali



7. M. Noordin

- - - - - - - - - - - POTONG DI-SINI - - - - - - - - - - -

PENERBIT MUTIKA '79
RADIO TALIVISHEN BRUNEI,
BANDAR SERI BEGAWAN,
BRUNEI.

MUTIKA '79 SUKU AKHIR
SIRI No. 7

Saya (Nama penoh) : .............................................. I/C No : ...............

Alamat penoh : ..................................................................

memileh peserta yang di-nyatakan dalam petak sa-bagai chalon yang ketiga untok memasoki ka-pusingan separoh akhir.

| NO: |
|---|

Tarikh : ............................ Tanda tangan.

# *Susunan ranchangan* MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda?; 1.30 — Sekitar masharakat (SU). **PETANG** : 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM** : 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Hiboran pilehan; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristewa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Teman mekar (SU); 11.00 — Usaha Jaya (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI** : 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG** : 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM** : 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri mukkadam (SU); 8.00 — Pertanian dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Mengenang Zaman Silam; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI** : 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG** : 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM** : 7.00 — Cherpen dan Salokannya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA



DALAM ranchangan Apa Pilehan Awda minggu ini, para pendengar akan dapat mengikuti lagu2 pilehan Awangku Elicanie bin Pg Embran yang beralamat No. 9, Balai Bomba Flat, Bandar Seri Begawan.

Ranchangan sa-lama sa-tengah jam iiu akan dapat di-ikuti pada hari Jumaat 16hb Februari, 1979 jam 9.00 pagi.

Siaran ulangan ranchangan itu akan dapat di-ikuti pada hari berikut-nya jam 9.30 pagi.

## SABTU

PAGI : Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Brunei Graduates (SU); 1.30 — Untok seminggu. **PETANG** : 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM** : 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Mari berpantun; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Hello siapa di-sana. **T/HARI** : 12.00 — Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG** : 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Ruangan bertuturan (SU) — Azan asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Majallah shell; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Komintar radio; 6.00 — Buloh perindu (SU) — Azan magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM** : 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masharakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristewa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI** : 12.00 — Komintar radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG** : 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM** : 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan (SU); 9.30 — Seminggu dalam kenangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristewa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandong ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI** : 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG** : 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM** : 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON** : 12.00 — Melody Time (repeat). **PM** : 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — John Fox presents: The John Fox Orchestra and Singers; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hot Questions — Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon . . . we invite you to hop abroad our non-stop musical express; 11.45 — World of Education; **NOON** : 12.00 — My Word. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Behind the news produced by Jaafar Yaakob; 1.15—Rock Line; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — Before we say goodnight by Ak. Hishamuddin Pg Yaakub; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Calling On You presented by Sheikh Abas. **NOON** : 12.00 — Radioscope produced by Vivianty Ali. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo produced by Shirley Don; 1.00 — Writer's Workshop compiled and produced by Charan Chand; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Just A Minute; 8.30 — Barbra Streisand and Kris Kristofferson—Live; 9.00 — Light Music From The Netherlands; 9.15 — News; 9.3 — BBC World Report; 9.45 — A Date with Grace Jones; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Annoucement — The Price of Fear (repeat); 11.30 — International Call. **NOON** : 12.00 — Stringsound. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Door to Opportunity by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 — Just for Variety produced by Sheikh Abas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 8.15—Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.15 — News; 9.30 — Top of the Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half-Hour produced by Veronica Shim; 11.30 — Women's World produced by Charan Chand. **NOON** : 12.00 — Top of the Pops. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Hot Questions — Cool Replies produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — The Musical Diary compiled and produced by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — 83rd Season of Henry Wood Promenade Concert; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Behind the News (repeat); 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News followed by market prices; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round — an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure; 11.45 — Perspective. **NOON** : 12.00 — Dad's Army. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Science Pop produced by Shirley Don; 1.15 Door to Opportunity produced by Jaafar Yaakob; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Higher and Faster — News from the World of Sport; 8.15 — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — Thirty-Minute Theatre: "The Wooden Hill by Margaret Harris, 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — International Sports Magazine. **NOON** : 12.00 — 'A-Pickin and A-Grinnin' — The History of Country Music. **PM** : 12.30 — News. 12.45 —What's Wrong with Me Doctor by Shirley Don (repeat); 1.00 —Hello Tomorrow; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special featuring "The Kinks" Part 2; 8.30 — Forum—produced by Viviyanti Ali; 9.00 — Agriculture — Key to Living; 9.15—News; 9.30—Hits In Germany; 10.00 — Close Down.

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

## oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

# PERANG BADAR MEMBERIKAN STABILITI KAPADA UMAT ISLAM

## SIRI KE-25

SA-SUDAH chetusan pertama berlaku dengan Aswad bin Abdul Asad merempoh ka-dalam barisan Muslimin, tetapi ia gugor di-tangan Syedina Hamzah, maka tampil pula 'Utbah bin Rabi'ah di-ikuti oleh saudara-nya Shaibah bin Rabi'ah serta anak-nya, Wahid bin 'Utbah. Kesemua-nya meminta lawan satu dengan satu.

Tampil-lah Syedina Hamzah bin Abdul Muttalib, Syedina Ali bin Abu Talib dan 'Ubaidah bin Al-Harith menghadapi mereka. Masing2 memileh lawan-nya masing2, bukan atas kemahuan sendiri, tetapi kerana memenohi chabaran musoh. Dengan mudah sahaja Syedina Hamzah dan Syedina Ali menumpaskan musoh masing2, dan kemudian, terpaksa pula membantu 'Ubaidah yang sedang di-terkam dengan ganas-nya oleh 'Utbah.

Orang2 Quraish, sa-telah menyaksikan hal ini, lalu dengan gelojoh sa-rentak menyerbu ka-arah orang2 Islam.

Menurut tawarikh, kejadian tentera2 Islam dan musoh itu berhadap2an muka berlaku pada hari Jumaat 17 Ramdhan.

Rasulullah sendiri tampil memimpin kaum Muslimin, serta mengarah dan mengator barisan. Tetapi ketika di-lihat-nya pasokan Quraish begitu gagah dan besar, sedang orang2 Islam sedikit sa-kali, maka Baginda masok sa-bentar ka-pondok-nya di-temani oleh Syedina Abu Bakar. Dalam hati-nya terasa chemas mengenangkan peristewa yang akan berlaku pada hari itu. Apakah yang akan terjadi kapada Islam kira-nya kaum Muslimin kalah dalam pertemporan nanti?

Baginda Rasulullah kini menghadapkan wajah-nya ka-arah kiblat, membisekkan harapan dan permohonan kapada Allah. Do'a Baginda, erti-nya:

*"Allahuma, ya Allah! Ini Quraish sekarang datang dengan segala kesombongan-nya, berusaha untok mendustakan Rasul-Mu. Ya Allah, pertolongan-Mu jua yang kau janjikan kapada-ku. Ya Allah, jika pasokan ini (pasokan tentera Islam) sekarang binasa, maka akan tidak ada lagi 'ibadat kapada-Mu."*

Sementara itu, Syedina Abu Bakar yang melihat dan mendengar permohonan Rasulullah itu, berkata:

"Ya Rasulullah, dengan do'a-mu itu, Allah akan tunaikan apa yang telah di-janjikan-Nya kapadamu."

Demikian-lah, kekhuatiran itu juga sebenar-nya di-rasakan sendiri oleh Nabi. Tetapi tidak di-bukakan-nya kapada umom, sebab jika terbuka, mungkin burok kesan-nya kapada *ma'nawiah* (jiwa) raayat orang2 Islam. Hanya di-pakai-nya *ka'edah kenabian*, saperti lain2 Nabi juga, Baginda mengadu dan bermunajat kapada Allah mengadukan sa-suatu yang terbuku di-kalbu.

Sa-telah itu Baginda Rasulullah keluar sa-mula menemui sahabat2-nya. Kali ini dengan rupa yang penoh tenaga hidup dan kegembiraan. Baginda bersabda, erti-nya:

*"Demi Dia yang memegang hidup Muhammad! Sa-tiap orang yang sekarang bertempor dengan sabar, bertahan mati2an, terus maju dan pantang undor ka-belakang, apabila ia gugor, maka Allah akan menempatkan-nya di-dalam shorga."*

Jiwa yang begitu kuat, yang telah di-takdirkan Allah untok mengatasi segala kekuatan, kini telah menjangkit pula kapada tentera2 Muslimin sekalian-nya. Lalu lahir-lah daripada-nya semangat jihad yang boleh meruntohkan lain2 kekuatan, sahingga sa-tiap *sa-orang* dari mereka, sama dengan *dua* orang musoh, bahkan sama dengan *sa-puloh* orang.

Ini janji Allah, yang masa itu juga turun kapada Nabi, terdiri dari dua ayat dalam Surah Al-Anfal: 65 dan 66, erti-nya:

*"Wahai Nabi! Bangunkan-lah semangat orang2 yang beriman itu dalam menghadapi perang. Jika kamu berjumlah 20 orang yang berhati tegoh, mereka ini akan mengalahkan 200 (musoh), dan jika kamu 100, neschaya akan mengalahkan 1,000 orang kafir, sebab mereka adalah orang2 yang tidak mengerti. Sekarang, Allah merengankan kamu, sebab Allah mengetahui, bahawa pada kamu ada kelemahan. Maka, jika kamu berjumlah 100 yang berhati tegoh, akan dapat mengalahkan 200 orang, dan jika kamu 1,000 dapat mengalahkan 2,000 orang dengan izin Allah. Dan Allah itu bersama orang2 yang tabah (sabar)."*

Kekuatan ini, sebenarnya, bukan sa-mata kekuatan benda, tuan! Tetapi bersambut dengan kekuatan moral. Kekuatan sa-macham ini apabila telah tegak, serta *chukop pula dengan tujuan dan dasar-nya*, maka itu-lah dia KEKUATAN, TENAGA DAN DAYA HIDUP yang sa-benar, yang bukan mudah untok dipatah2kan. Isi-nya ia-lah *patriotism* dan *keredhaan berkorban* apa saja untok tujuan2 menegakkan yang hak dan meruntohkan yang bathil. Ada-nya keperchayaan kapada kebenaran dan keadilan, kebebasan dan erti kemanusiaan yang tinggi itu-lah, yang menambahkan lagi kekuatan moral ini.

Suatu masa dahulu dunia pernah terjebak kadalam kekejaman Jerman. Maka bangkit pehak Berikat dalam Perang Dunia I itu menyebarkan propaganda anti-Jerman yang di-sebarkan begitu luas ka-serata dunia dengan moto *membela kebebasan dan kebenaran serta bersedia bagi suatu perjanjian perdamaian.* Choba perhatikan, betapa sasunggoh-nya propaganda ini telah dapat melipatgandakan lagi kekuatan semangat tentera pehak Berikat di-samping berjaya menarek simpati sa-bahagian besar bangsa2 di-dunia.

Mari kita renongkan sa-jenak, tuan! Apa-kah erti-nya ini semua (sa-takat masaalah kebebasan dan perdamaian yang terhad), jika kita bandingkan dengan tujuan seruan Nabi Muhammad, yang memberi arah kapada kebaikan seluroh hidup, kenekmatan dan kesempurnaan yang motlak? Ya, apa-kah erti-nya semua itu, jika di-banding dengan kewajipan Nabi disisi Allah, membela orang2 yang beriman, menyelamatkan mereka dari godaan dan fitnah orang2 kafir yang hendak menjerumuskan umat manusia ka-lembah shirik?

Kita sanjong seluroh tujuan hidup yang murni. Kita popok semangat chintakan tanah ayer, kerana dengan itu kita sa-makin kuat. Kita chintai keamanan dan perdamaian, kerana dengan itu jiwa sa-makin berseh, tegoh dan kuat. Dan akhir sa-kali, choba bayangkan, betapa-kah hebat-nya kekuatan jiwa yang di-timbulkan oleh *iman* kapada Maha Penchipta seluroh wujud ini. Iman akan janji-Nya, akan pertolongan-Nya kapada orang2 yang benar dan membela ugama-Nya. Ya, iman, iman-lah yang biasa membuat tenaga manusia mampu menggerakkan isi dunia ini. Dan itu-lah yang ada masa itu, tuan! Yang memenohi seluroh sudut dan ruang Badar, yang membuat Muslimin mampu menumpaskan musoh yang berlipat-lipat kali ganda jumlahnya.

Medan padang pasir itu berkechamok dengan teriakan2 binatang dan manusia. Debu berterbangan ka-udara, tetapi kepala2 telah mula berjatohan dari tuboh2 Quraish (lihat HAYATU MUHAMMAD Jilid 1, karangan Muhammad Husein Haiekal).

Di-hadapan orang2 yang beriman kini, telah terbuka tabir ruang dan waktu. Bantuan Allah telah datang dengan para Malaikat memberikan khabar gembira, yang membuat iman itu bertambah2 besar dan tegoh. Di-tengah2 medan yang sedang sebok di-kunjongi oleh Malaikat Maut untok memenguti leher orang2 kafir itu, Nabi berdiri. Di-genggam-nya pasir, di-champakkan-nya ka-arah Quraish sambil bersabda, erti-nya: *"Chelaka-lah wajah2 mereka itu!"* Para sahabat lalu di-beri arahan: *"Serbu!"*

Kaum Muslimin dengan itu sa-rentak menyerbu. Dengan tidak memperdulikan bilangan mereka yang kechil, tentera2 Islam itu terus bertempur dengan gagah dan sabar, sebab jiwa yang sudah berisi dengan keimanan itu tidak lagi memperhitongkan yang lain, kechuali *hidup* di-sisi Allah. Hidup disisi Allah erti-nya: *Jika tidak gugor di-medan pertempuran, mereka boleh lagi melanjutkan kehidupan di-atas dunia ini sabagai barisan Muslimin mempertahankan ugama Allah, atau jika sudah di-takdirkan untok gugor, maka kehidupan yang lebeh baik lagi sa-bagai shuhada akan pasti di-perolehi.* Itulah irama yang sentiasa berligar-ligar di-dalam ingatan tentera Islam, menjadikan mereka tegoh dan tidak takut mati. Jiwa yang sudah di-asoh jadi besar itu bertambah besar lagi apabila turun firman (Surah Al-Anfal ayat 12), erti-nya:

*"Ingat-lah, ketika Tuhan-mu mewahyukan kapada para Malaikat: Sa-sunggoh-nya Aku bersama kamu, maka pertegohlah (pendirian) orang2 yang beriman itu. Akan Aku tanamkan rasa gentar ka-dalam hati orang2 kafir itu. Sebab itu, pukol-lah di-atas leher mereka dan pukol-lah sa-tiap hujong jari mereka."*

Firman-Nya lagi dalam Surah yang sama ayat 17, erti-nya:

*"Sa-benar-nya bukan-lah kamu yang membunoh mereka, melainkan Allah-lah yang membunoh mereka itu. Juga ketika engkau lemparkan, sabenar-nya bukan engkau yang melakukan itu, melainkan Allah juga. Dan Allah itu hendak menguji orang2 yang beriman dengan ujian yang baik, sa-sunggoh-nya Allah itu mendengar lagi mengetahui."*

Allah tidak memungkiri janji-Nya. Orang2 Islam telah di-berikan kemenangan, dan sa-balek-nya orang2 kafir Quraish menjadi kelam-kabut. Mereka di-kejar terus. Yang tidak terbunoh dan tidak berhasil melarikan diri, di-tawan.

Itu-lah dia Perang Badar, tuan! Yang merupakan suatu pendahuluan memberikan tapak yang stabil kapada umat Islam di-seluroh Tanah Arab, dan suatu pendahuluan perkembangan Islam di-seluroh dunia. Perang Badar telah mengasaskan sa-buah tamaddun besar di-dunia, yang hingga sekarang maseh dan akan terus mempunyai pengaroh-nya kapada manusia.

(Bersambong)

# ANCHAMAN KEDUDOKAN KUDA

OLEH: STEWART WAVELL

Siri ke-13

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

KEGEMARAN yang saya paling sukai dalam masa lapang ia-lah memainkan permainan2 Alexander Alekhine yang, mungkin Tal suatu kekechualian, telah banyak memainkan permainan chemerlang di-bandingkan dengan mana-mana grandmaster yang hidup pada masa ini. Gabongan gerak permainan-nya sa-akan-akan suatu daya pesona — sa-macham suatu daya pesona yang kita impi2kan untok memeranjatkan kawan2 kita apabila kita mula-mula bermain chator.

Emmanuel Lasker, sa-orang pemain chator handalan, pernah berkata: "Pada permulaan permainan, jangan indahkan menchari gabongan gerak, jangan lakukan gerak2 yang hebat, tumpukan perhatian untok mendapatkan kelebehan2 kechil, kumpulkan kelebehan2 kechil itu, dan hanya sa-lepas menchapai matalamat2 tersebut baharu-lah menchari gabongan gerak — dan gunakan-lah dengan seluroh kuasa kesunggohan hati dan intelek, *kerana pada ketika itu gabongan gerak pasti wujud, betapa dalam sa-kali pun ia tersembunyi.*"

Jika kita ingin menchapai daya pesona Alekhine, kita mesti-lah tahu kelebehan2 kechil yang kita chari itu. Pemain2 chator handalan saperti Steinitz, Tarrasch, dan Nimzowitsch telah menghabiskan keselurohan hidup mereka membutirkan kelebehan2 tersebut, dan dengan kechekapan yang mena'ajubkan menunjokkan-nya dalam permainan2 mereka. Dalam beberapa minggu akan datang, saya akan memberi chontoh bagi sa-tiap kelebehan kechil itu supaya apabila awda memulakan permainan, awda akan tahu tentang matalamat2 awda. Chontoh pertama ada-lah kedudokan Kuda. Permainan yang saya pileh ada-lah di-antara Boleslavsky dengan Lissitzin yang berlangsong di-Moscow dalam tahun 1956. Jenis pembukaan-nya ada-lah Sicilian Defence.

| | | |
|---|---|---|
| 1. | B-e4 | B-c5 |
| 2. | K-f3 | B-d6 |
| 3. | B-d4 | BxB |
| 4. | KxB | K-f6 |
| 5. | Kc-3 | B-g6 |
| 6. | G-e3 | G-g7 |
| 7. | B-f3 | |

Satu amaran di-sini: awda hendak-lah paling berawas-awas pada sa-tiap masa apabila menggerakkan Bidak ini. Biasa-nya bahaya akan datang dari Menteri musoh yang melakukan asah kapada Raja di-petak h4 dengan di-ikuti oleh pelbagai serangan yang membimbangkan. Tetapi dalam chontoh permainan di-atas, gerak Bidak itu mengukohkan bahagian tengah dan menghalang Kuda Hitam bergerak ka-petak g4 untok menyerang Bidak. Ia-nya juga menyediakan serangan Bidak Puteh di-sa-belah bahagian Raja dengan B—g4, dan B—h4.

| | | |
|---|---|---|
| 7. | ...... | 0-0 |
| 8. | M-d2 | K-c6 |
| 9. | 0-0-0 | KxK |
| 10. | GxK | M-a5 |
| 11. | R-b1 | |

Anchaman Puteh ada-lah 12. K—d5, M—d8 (jika 12. ...., MxM; 13. KxB asah dan dapat Bidak.)

| | | |
|---|---|---|
| 11. | ...... | B-e5 |
| 12. | G-e3 | G-e6 |
| 13. | B-a3 | T(f8)-d8 |
| 14. | K-b5 | M-a4 |

Sekarang Boleslavsky memerhatikan papan-chator dan nampak dengan jelas-nya yang petak d5 dapat di-ambil sa-bagai kedudokan Kuda jika ia dapat menyingkirkan pertahanan Gajah di-petak e6 dan Kuda.

15. B—c4! Satu korban Bidak yang terator untok menyingkirkan Gajah musoh.

| | | |
|---|---|---|
| 15. | ...... | GxB |
| 16. | K-c3 | M-b3 |
| 17. | GxG | MxG |

Sekarang untok mendapatkan pertahanan Kuda itu!

| | | |
|---|---|---|
| 18. | G-g5! | M-e6 |
| 19. | GxK | MxG |
| 20. | K-e5 | |

Kedudokan Kuda telah terbentok, di-pertahankan oleh Bidak, Menteri dan Tihir, dan tidak lagi yang dapat menghalau Kuda itu kechuali mengorbankan Tihir atau Menteri. Kedudokan Kuda Puteh membubong tinggi daripada kedudokan musoh, menganchan Menteri musoh pada dua petak e7 dan f6. Sekarang kita perhatikan bagaimana Boleslavsky menang.

| | | |
|---|---|---|
| 20. | ...... | M-h4 |
| 21. | M-e2 | G-f8 |
| 22. | M-fI! | T(a8)-c8 |
| 23. | B-g3 | M-g5 |
| 24. | B-h4 | M-h6 |
| 25. | B-g4 | B-g5 |
| 26. | BxB | MxB |
| 27. | T-h5 | M-g6 |
| 28. | B-g5! | |

Menteri Hitam tidak dapat 'makan' Tihir kerana jika di-lakukan ia akan di-serampang dengan K—f6 asah. Juga Gajah tidak dapat bergerak ka-petak g7 kerana Kuda akan menyerang Menteri dengan K—e7 asah.

| | | |
|---|---|---|
| 28. | ...... | B-h6 |
| 29. | TxB | M-B(g5) |
| 30. | T-h5! | |

dan Hitam menyerah kalah. Puteh dapat membawa Menteri ka-petak hl dan Tihir Menteri ka-petak gl mengenakan pasak kapada Menteri. Oleh yang demikian, awda nampak bagaimana kedudokan Kuda itu memberi bantuan yang kuat dan tajam terhadap suatu serangan!

**Masa'alah 10**

Giliran Puteh untok bergerak dan mat dalam dua gerak.

HURAIAN MASA'ALAH 9

Untok menyimpangkan Menteri musoh: I. T-e7! Jika Menteri Hitam 'makan', jadi M-d5 asah. Jika Kuda atau Gajah 'makan', jadi M-f7 sah mat.



Rajah 55



GAMBAR kanan kelihatan perlawanan chator yang di-adakan di-Pusat Belia antara pasokan Pengiran2 Cheteria/Pehin2 berlawan dengan pasokan2 terbuka sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan ke-32 yang lalu sa-bagai achara kemunchak.

Pasokan Pengiran2 Cheteria dan Pasokan Sungai Kedayan telah berjaya menjadi Johan Bersama dalam perlawanan tersebut.

Kelihatan gambar kanan paling depan (bermain chator puteh) ia-lah YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Ideris, bagi pehak pasokan Pengiran2 Cheteria/Pehin2.

# *Brunei Grand Prix 1979:*

## TIGA JENIS ACHARA BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga jenis achara baru dalam perlumbaan Brunei Grand Prix tahun 1979 ini. Achara2 itu ia-lah: Perlumbaan kereta wanita terbuka (bagi wanita di-dalam dan di-luar negeri); Perlumbaan kereta jenis kereta formula dan Perlumbaan motosikal scramble.

Ini telah di-sahkan oleh Yang Dipertua Persatuan Automobil Brunei, Awang Osman Omar, ketika di-minta pandangan-nya minggu ini. Ada-lah di-chadangkan perlumbaan tersebut akan di-adakan pada 21 dan 22hb Julai akan datang bertempat di-Lapangan Terbang Lama Berakas, tambah-nya lagi.

Sa-banyak 14 achara perlumbaan Brunei Grand Prix tahun 1978 yang lalu; termasok perlumbaan motorsikal, perlumbaan wanita (untok kereta2 production di-bawah tenaga 2000cc) dan perlumbaan khas (untok para jemputan khas pengurus sharikat2 dan pegawai2).

BELIA DAN SOKAN

## Perlawanan Ping-Pong

BANDAR SERI BEGAWAN. —Perlawanan akhir Ping Pong Terbuka anjoran BATTA bagi tahun 1979 ini akan di-langsongkan di-Pusat Belia di-sini pada 17hb Februari ini mulai jam 7.30 malam.

Ada-lah di-harapkan kapada semua ahli2 serta pemain2 yang berkenaan supaya akan dapat hadhir di-perlawanan tersebut.

# *Belia2 di-nasehatkan jauhi diri dari pengaroh dadah*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bekas Yang Dipertua Persatuan Angkatan Pemuda-Pemudi Kampong Sultan Lama, sa-laku Penasehat persatuan tersebut sekarang, Awang Sulaiman bin Puteh, menasehatkan kapada belia2 di-Kampong Sultan Lama, khusus-nya dan belia2 di-negeri ini umum-nya supaya menjauhkan diri dari membuat kerja2 maksiat terutama pengaroh dadah, yang terkutok di-sisi Allah itu.

Beliau lalu mengharapkan kerjasama dari para ibu-bapa supaya mengawasi sa-tiap langkah anak2 mereka itu di-samping menggalakkan mereka itu memasoki persatuan2 belia untok mengungkayahkan kerja2 kebajikan demi kepentingan bangsa, negara dan Ugama Islam.

Ketika menyampaikan uchapan-nya di-Mashuarat Agong persatuan tersebut minggu lalu, menurut Awang Sulaiman, Persatuan Angkatan Pemuda-Pemudi Kg Sultan Lama, pada tahun 1978 lalu telah mengadakan lawatan muhibbah ka-Labuan dan Singapura untok mengadakan perlawanan bolasepak, badminton, sepaktakraw sa-chara persahabatan sa-mata2 untok menambahkan pengalaman.

Berikut ini ia-lah Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Angkatan Pemuda-Pemudi Kg Sultan Lama bagi tahun 1979/1981:—

Ketua Kampong Sultan Lama, Awang Haji Omar bin Duah di-lantek sa-bagai Penaong sementara Awang Sulaiman bin Puteh sa-laku Penasehat persatuan.

Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Naim (Yang Dipertua); Awg Montal bin Tengah (Tim Yang Dipertua); Awang Anuar bin Mohd Tahir (Setia Usaha Agong); Awang Haji Zabidi Haji Wahid (Tim S/Usaha Agong); Awg Zainal bin Hussein (Bendahari Agong); Awg Rolai bin Sani (Tim Bendahari); Awang Md Tahir bin Bakir (Pengerusi); Awang Zainal bin Hussein (Ketua Sokan); Awang Ja'afar bin Wali (Ketua Kesenian/Kebudayaan); Pengiran Amas bte Pg Chuchu (Ketua Wanita); Dayang Azizah bte Omar (Pembantu K Wanita); Awang Jumat bin Bulat (Ketua Pertukaran).

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awg Jahari bin Bakar, Awg Bujang bin Tahir, Awang Ishak bin Hamid. Juru Odit: Awg Hanafiah bin Hj Mohammad dan Awang Mahadi bin Tahir.



Awang Sulaiman bin Puteh.

## Perlumbaan rentas desa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan rentas desa untok sekolah2 rendah di-Bahagian Satu Brunei akan di-adakan pada 19hb ini.

Perlumbaan itu akan di-sertai oleh kira2 60 orang murid dan di-mulakan dari padang Sekolah Menengah SMJA.

Pemenang2 dalam perlumbaan itu akan mewakili bahagian tersebut ka-perlumbaan perengkat negeri yang akan di-adakan kemudian. Sementara itu di Perkhemahan Tutong, pada minggu lalu kira2 15 orang penuntut dari sekolah Battalion Kedua telah mengambil bahagian dalam achara lumba rentas desa antara rumah sekolah tersebut.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PASOKAN BOMBA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI BALAI :

**Kelayakan2 :**

a) Umor — di-antara 18 hingga 26 tahun.

b) Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".

c) Dada — sekurang2-nya 34" bila di-kempiskan.

d) Lulus Tingkatan III atau sebanding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

**Kesihatan :**

Pemohon2 mesti-lah berbadan tegap dan sehat dan di-kehendaki lulus ujian kekuatan saperti yang di-kehendaki dalam Pasokan Bomba.

**Latehan :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah melayakan diri untok Kursus Latehan Pegawai2 yang akan di-adakan di-dalam negeri dan mungkin di-kehendaki menjalankan tugas di-seberang laut.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya apabila di-lantek akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam Negeri.

Dalam sukatan gaji P.3 — $525-531-538-550-563-613-625/EB/638-650-662-675-687-700. Alaon 'P' sa-banyak $100.00 sa-bulan. Sekira-nya sa-seorang chalon yang berjaya itu ia-lah pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaji permulaan akan di-pertimbangkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

2. TUKANG KAYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan telah tamat darjah VI Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya enam tahun sa-bagai tukang kayu penoh masa atau memiliki Sijil City and Guilds Perengkat Tertinggi dalam Pertukangan Kayu.

c) Pemohon2 mesti-lah chekap dalam menggunakan perkakas2 letrik dan alat2 perkakas petukangan kayu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

**Menjalankan Tugas :**

Chalon2 yang berjaya apabila di-daftarkan mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

3. TUKANG KEBUN/PENCHUCHI :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 45 tahun dan mesti-lah bekerja atau pernah bekerja sa-bagai Tukang Kebun/Penchuchi.

Oleh kerana jawatan kosong yang tersebut di-atas untok di-tugaskan tiap2 satu di-Balai Bomba Muara, Tutong, Seria dan Temburong, maka keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal di-daerah2 yang berkenaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaii F. 1-2-3 F.B. 4 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376 - 383/EB/389-395-402-408.

**Menjalankan Tugas :**

Chalon2 yang berjaya apabila di-daftarkan mungkin di-kehendaki menjalankan tugas2 di-mana2 Balai Bomba di-negeri ini.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mach, 1979.

(E/134/73 — Bil: 13/1979)

## Di-Jabatan Muzium

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

1. ATTENDAN DEWAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun dan mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Bagi chalon2 dari aliran Melayu keutamaan akan di-beri jika pandai bertutor atau menulis dalam bahasa Inggeris.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F1-2-3-4-5 EB. 6 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376-383-389-395-402-408-414 - 427-440 /EB/453-465-478-491-504-516.

2. ATTENDAN PERPUSTAKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-651-574-587-559.

3. TUKANG KAYU TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 hendak-lah berumor di-antara 18 hingga 30 tahun dan telah memperolehi Sijil Pertukangan Kayu dari mana2 sekolah Teknikal yang di-akui.

b) Chalon2 yang telah bekerja di-dalam kerja2 tukang kayu di-Pejabat Muzium Bahagian Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei akan di-beri keutamaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 3 EB. 4 — $459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb April, 1979.

(E/941/72 — Bil: 17/1979)

## Sa-bagai Pembantu Perikanan Rendah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Perikanan Rendah di-Jabatan Perikanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan lulus dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab dan Sains.

**Tugas2 :**

Menjalankan kerja2 'am perikanan saperti memungot perangkaan dan menjalankan tugas2 yang bersangkut-paut dengan kemajuan dan pengambangan perikanan. Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia di-tugaskan ka-lain2 daerah.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1 EB 2-3 — $370-383-395-408 - 421-434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-651-625-657-689-720 - 752 - 784.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Mach, 1979.

(E/812/77 — Bil: 14/1979)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBORONG2 ada-lah di-pelawa untok membuat tawaran mereka kerana membuat giris kereta bagi Ibu Pejabat Pertanian, Bandar Seri Begawan:—

"Giris kereta sa-banyak 13 buah untok pegawai2 Ibu Pejabat Pertanian sa-bagai tambahan kapada giris yang ada sekarang."

Kapada mereka yang ingin hendak membuat tawaran boleh-lah datang ka-Ibu Pejabat dan berjumpa dengan Pegawai Pertanian (HQ) bagi mendapatkan butir2 lanjut serta mendapatkan site plan untok giris ini dan tawaran mereka hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari 15hb Februari, 1979 jam 4.00 petang dengan bertanda :

"Tawaran bagi membuat 13 giris kereta — Ibu Pejabat Pertanian".

Kerajaan tidak-lah terikat untok menerima tawaran2 yang lebeh rendah atau sebarang tawaran.

## DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKAT I :

(Jabatan Askar Melayu Diraja Brunei)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 30 hingga 45 tahun dan sekurang2-nya berada dalam Tingkatan III Melayu atau Inggeris atau pun kelulusan yang sebanding dengan-nya.

b) Pemohon2 sekurang2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai Penyelenggara Setor sa-lama lapan tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956-982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

2. TUKANG PELAN :

(Jabatan Peranchang Bandar dan Desa)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Keutamaan akan di-beri kapada :—

a) Chalon2 yang mempunyai sekurang2-nya Sijil 'Am Pelajaran, lulus Sijil Persekolahan Cambridge atau yang sebanding. dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman dalam bidang melukis dan membacha pelan bangunan/kejuruteraan dan bersedia membuat kerja2 penyiasatan luar, atau

b) Mempunyai lima tahun pengalaman dalam bidang melukis pelan2 senibena/kejuruteraan awam, boleh memahami pelan2 bangunan dan/atau kejuruteraan dan juga bersedia membuat kerja penyiasatan luar.

**Umor :**

Antara 22 hingga 40 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4-5 — $370-383-395-408-421-434-446-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720 - 762 - 784 /EB/854-880-905-931-956-982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEGAWAI LUAR :

(Pejabat Daerah Kuala Belait)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya. Meerka hendak-lah mengetahui sa-banyak sedikit mengenai kampong2 di-pendalaman dan sanggop untok bertugas di-kawasan2 pendalaman.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/EB/ 854 - 880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PEMANDU MOTOR SANGKUT :

(Pejabat Daerah Kuala Belait)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu.

b) Pemohon2 mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.

c) Mempunyai pengetahuan berkenaan dengan kawasan luar Bandar Daerah Belait.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402-408/EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Mach, 1979.

(E/796/77 — Bil: 4/1979)

## Sa-bagai Juru X-Ray

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juru X-Ray di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 mesti-lah mempunyai Diploma dari College of Radiographers, United Kingdom atau kelulusan yang sebanding dengan-nya, dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman yang berkenaan.

**Umor :**

Di-bawah 40 tahun.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M.11 — B$1390-1454-1517-1581 - 1670 - 1734-1798 - 1862 - 1925 - 1989/EB/2053-2117-2180-2244-2308. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mach, 1979.

(E/1095/77 — Bil: 12/1979)

## Sa-bagai Pemandu Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.YM.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Jabatan Ukor, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 40 tahun dan boleh membacha dan menulis.

b) Pemohon mesti--lah berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kechil.

c) Pemohon2 mesti-lah mengetahui tempat2 pendalaman bagi menghantar Pasokan Ukor dan sanggup bermalam dan berkhemah dalam hutan di-tiap2 daerah dalam negeri ini.

**Gaii :**

Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb April, 1979.

(E/420/74 — Bil: 16/1979)

## Dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. TUKANG MESIN MOTOR SANGKUT :

(Askar Melayu Diraja Brunei)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 25 hingga 40 tahun.

b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun dalam bidang membaiki dan menyelenggara injin2 Motor Sangkut. Pemohon hendak-lah dapat memboktikan kebolehan2 sabagai Mekenik Motor Sangkut.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 3 EB. 4 — $459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

2. PEMANDU KERETA TINGKAT II :

(Perkhidmatan Pos)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu yang sah dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah berpengalaman memandu kereta mel dan mengetahui sedikit sa-banyak tentang peratoran2 menghantar dan menerima mel. Boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Tugas2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam Negeri.

b) Pemohon2 di-kehendaki memandu truck2 mel antara Pelabohan Muara, Bandar Seri Begawan, Lapangan Terbang Antara Bangsa, Kuala Belait dan Seria.

c) Membuat kerja2 memunggah dan mengangkat mel dan menjaga kebersehan dan keselamatan kenderaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji F. 3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Mach, 1979.

(E/1668/77 — Bil : 6/1979)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Jawatan2 Kosong Dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei, Brunei.

1. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN I: (Jabatan Pelajaran)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya, dan mempunyai sekurang2-nya tujoh tahun pengalaman dalam kerja2 setor yang mana sa-bahagian daripada tempoh tersebut mesti-lah pengalaman dalam mengurus setor barang2 ganti.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956-982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

2. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN II : (Jabatan Pelajaran)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 hendak-lah sebaik2-nya berpengalaman sekurang2-nya lima tahun dalam kerja2 setor sama ada di-Jabatan Kerajaan atau swasta. Kelulusan pelajaran hingga ka-perengkat Sijil Rendah Pelajaran Brunei.

Dalam sukatan gaji D. 2 EB.3-4—$446-465-485-504-523-542-561 /EB/ 625-657-689-720-752-784-854-880-905-931 - 956 - 982-1007.

3. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III : (Jabatan Letrik)

Chalon2 mesti-lah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam setor barang2 letrik.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 22hb Mach, 1979.
(E/1279/78 — Bil: 8/1979)

## Sa-bagai Pemandu Tingkatan II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pemandu Tingkatan II di-Pejabat Daerah, Tutong, Brunei.

Keutamaan akan di-berikan kapada pemohon2 yang tinggal dalam Daerah ini.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 20 hingga 40 tahun dan boleh menulis dan membacha.
b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan2 kechil.

**Tugas2 :**
Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji F.3-4 EB. 5 — $357-363-370-376-383-389-395-402-408 /EB/414-427-440.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Mach, 1979.
(E/921/72 — Bil: 9/1979)

## Sa-bagai Pegawai Penjaga Makanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok2 memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Penjaga Makanan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**
Mempunyai ijazah/diploma atau kelulusan yang sebanding dalam ilmu Dietetics daripada sa-sebuah universiti yang di-iktiraf. Sebaik2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu.

**Gaji :**
Dalam sukatan gaji M. 11 –B$1390-1454-1517-1581-1670-1734-1798 - 1862 - 1925 - 1989/ –B$1390-1454-1517-1581-1670- Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Mach, 1979.
(E/414/63 — Bil: 11/1979)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from P.W.D. registered Class "AX" and above Contractors by the Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Tuesday 27th February 1979 for the : —

COMPLETION OF PARTIALLY COMPLETED GIRLS' HOSTEL BLOCK FOR BRUNEI TEACHERS' TRAINING COLLEGE, GADONG.

2. Tenders received after 12.00 noon Tuesday 27th February 1979 will be rejected.
3. Tender documents including Bills of Quantities may be collected from the Office of BCP Partnership, Quantity Surveyors and Construction Cost Consultants, 201 (1st Floor) Shophouse Complex, Mile 1¼. Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, from 3rd February 1979 during normal office hours on payment of a Deposit of $300.00 to the Office of the Public Works Department, Bandar Seri Begawan.

An amount of $200.00 will be refunded to the Tenderers who submitted a bona fide tender and the balance of $100.00 will be refunded to Tenderers who return all drawings within two weeks after closing of Tenders.

4. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name or address of the tenderer on the envelopes.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## CONSTRUCTION OF OPERATIONS BUILDING INTERNATIONAL AIRPORT

TENDERS wil be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Registered Contractors Class "A" only up to 12 noon Tuesday 20th March 1979 for the:—

CONSTRUCTION OF OPERATIONS BUILDING INTERNATIONAL AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tender documents will be available from Monday 26th February 1979 at the office of Messrs. Murray Ward & Partners, A4 Dayang Besar Flats, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan during normal office hours on payment of a deposit of $750.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tenders must be submitted on the Tender Form provided and be enclosed in a plain sealed envelope marked "Tender for Construction of Operations Building at Brunei International Airport, Bandar Seri Begawan" and must reach the office of the Chairman, Brunei Tenders Board not later than noon on Tuesday 20th March 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

MURRAY WARD & PARTNERS
ARCHITECTS AND TOWN PLANNING CONSULTANTS
P. O. Box 1656
BANDAR SERI BEGAWAN
BRUNEI

## TENDER NOTICE STATE STORES

### No. 3/79

TENDERS are invited for the supply of 2 units Long Wheel Base Dropside Lorries Diesel powered of 27000 GVW.

Full specifications available from the office of the Controller of Government Stores, State Stores & Supplies Department, Jalan Gadong during working hours. Tender closes on Tuesday 13th March, 1979.

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

### SERIAL No. 1a (AC)79

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 on Tuesday 1st May, 1979 for the : —

PREVENTIVE MAINTENANCE OF AIRTEMP CENTRAL AIR CONDITIONING PLANT, IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS
— FROM 1 JULY, 1979 —

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Maintenance of Airtemp Central Air Conditioning Plant.'
4. The Form of Tender including specification, maintenance details and Schedule of Plant can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit is $400.00 which will be refunded in respect of all unsuccessful Tenders.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SERIAL No. 1b (AC)79

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 on Tuesday 1st May, 1979 for the : —

PREVENTIVE MAINTENANCE OF CARRIER CENTRAL AIR CONDITIONING PLANT, IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS,
— FROM 1 JULY, 1979 —

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Maintenance of Carrier Air Conditioning Plant'.
4. The Form of Tender including specification, maintenance details and Schedule of Plant can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit is $400.00 which will be refunded in respect of all unsuccessful Tenders.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SERIAL No. 1c (AC)79

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 on Tuesday 1st May, 1979 for the : —

PREVENTIVE MAINTENANCE OF YORK CENTRAL AIR CONDITIONING PLANT, IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS,
— FROM 1 JULY, 1979 —

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Maintenance of York Air Conditioning Plant'.
4. The Form of Tender including specification, maintenance details and Schedule of Plant can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit is $400.00 which will be refunded in respect of all unsuccessful Tenders.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SERIAL No. 1d (AC)79

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 on Tuesday 1st May, 1979 for the : —

PREVENTIVE MAINTENANCE OF MISCELLANEOUS CENTRAL AIR CONDITIONING PLANT, IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS,
— FROM 1 JULY, 1979 —

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Maintenance of Miscellaneous Air Conditioning Plant'.
4. The Form of Tender including specification, maintenance details and Schedule of Plant can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit is $400.00 which will be refunded in respect of all unsuccessful Tenders.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SERIAL No. 1e (AC)79

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from registered Grade A and B air conditioning contractors up until 12.00 on Tuesday 1st May, 1979 for the : —

PREVENTIVE MAINTENANCE OF ALL AIR CONDITIONING PLANT IN THE ISTANA BUILDINGS, BRUNEI
— FROM 1 JULY, 1979 —

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Maintenance of all Air Conditioning Plant in the Istana Building'.
4. The Form of Tender including specification, maintenance details and Schedule of Plant can be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit is $400.00 which will be refunded in respect of all unsuccessful Tenders.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## THE CANALISATION AND REDEVELOPMENT OF SUNGAI KIANGGEH

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class "A" Contractors, (experienced in reclaiming and canalisation work) up to 12.00 noon on Tuesday, 27th March, 1979 for : —

"THE CANALISATION AND REDEVELOPMENT OF SUNGAI KIANGGEH"

All tenderers will be required to show proof that they are currently registered as Class "A" Contractors with P.W.D. Brunei.

Tender documents can be examined at and obtained from the office of M/s. Bolton Hennessey Cogan & Associates, 146B Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei as from Wednesday the 21st February, 1979 during normal office hours.

The tender deposit required is B$1,000.00 (Dollars One Thousand only). This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona-fide tender and the return of all documents in good condition. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-addressed envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelope.

Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

All tenderers are advised to obtain the tender documents as soon as possible. Documents will not be issued to any tenderer three (3) days before the closing date.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## RE-TENDER NOTICE SUPPLY AND INSTALLATION ELECTRICAL AND/OR MECHANICAL SERVICES FOR HELIPORT AT ISTANA DARUL HANA

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered A Class electrical and mechanical contractors up to noon on 19th February 1979 for : —

SUPPLY AND INSTALLATION ELECTRICAL AND/ OR MECHANICAL SERVICES FOR HELIPORT AT ISTANA DARUL HANA.

2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor.
4. The envelope must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed 'Re-Tender for Electrical and Mechanical Services Heliport Istana Darul Hana'.
5. Tender documents may be obtained from John R. Harris Architects at Unit 401, 2nd Floor Shophouse Complex, 1½ miles, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 25th January 1979.
6. The Tender deposit will be B$200.00 which will be refunded to each tenderer on the return of all tender documents and the submissions of a bona fide tender.
7. Tenders must be submitted on the approved form.
8. The Client is bound to accept the lowes or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENGADIL DI-JABATAN KEHAKIMAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pengadil di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari Peguambela atau Peguamchara yang mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama dua tahun sama ada sa-bagai Majistret atau dalam sharikat peguam. Pengetahuan dalam Bahasa Melayu ada-lah perlu tetapi tidak mustahak.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B.2 EB.3 —B$1645-1909-1772-1836-1900-1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716/EB/2792-2869-2945-3022. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek sa-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mach, 1979.

(E/38/75 — Bil: 10/1979)

## TENDER NOTICE

**BOILERS, CALORIFIERS, INCINERATORS, STEAM AND HOT WATER SYSTEM AND ANCILLIARY WORKS TO THE PROPOSED NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI.**

REGISTERED Class 'A' Contractor and Specialist Firms are invited to submit tender for the complete supply and installation of Boilers, Calorifiers, Incinerators, Steam and Hot Water System and Ancillliary Works To The Proposed New General Hospital at Kiulap, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 10th February, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $1,000.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return to documents and drawings.

Before being provided with tender documents, the tenderer should provide a banker's confidential statement to the effect that the Bank will issue a Banker's Guarantee of $200,000.00 should be tenderer be successful.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 6th March, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — Tender for Boilers, Calorifiers, Incinerator, Steam and Hot Water System and Ancilliary Works to the Proposed New General Hospital at Kiulap, Brunei.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SHARIKAT2 Perdagangan ada-lah di-pelawa untok menghantarkan tawaran mereka bagi membekalkan sound projector untok Jabatan Hal Ehwal Ugama saperti keterangan yang berikut-nya : —

a) 35 mm sound projector jenis SANKYO GR-110V — 2 buah.
Mengandongi alat2 berikut : —
1 Biji amplifier 25 watts — 110V
1 Biji transfomer 220V change 110V
1 Biji Box speaker complete
2 Buah stand (untok 2 biji projector)
8 Set 35 mm spool dan can
2 Set 35 mm Filem Rewider
4 Biji 335 mm Cinemascope lens with brackets
2 Biji Filem Joiner.
Plug, soket dan wire (complete untok 2 biji projector) 1 buah buku instruction dan maintenance manual (perchuma).

b) 16 mm sound projector jenis SINGER GRAFLEX with bulb 2 buah.
Mengandongi alat2 berikut : —
2 Biji Cinemascope lens with brackets
2 Biji Stand (untok 2 buah projector)
2 Biji 16 mm Filem Joiner
1 Buah Buku Instruction dan manual (perchuma).

Semua tawaran mengenai perkara ini hendak-lah di-hantaran kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat pada 5hb Mach, 1979 dengan menyatakan di-luar sarong surat "Tawaran Projector untok Jabatan Hal Ehwal Ugama".

Keterangan2 yang lengkap jenis projector yang di-kehendaki boleh di-dapati daripada Penguasa Penerangan dan Tabligh Jabatan Hal Ehwal Ugama, di-tingkat atas di-bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4 Sharikat2 Perdagangan tidak di-benarkan membuboh nama mereka atas sampol surat dan jika tawaran tersebut lewat di-terima dari tarikh yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan.

5 Sharikat2 Perdagangan yang ingin menghantarkan tawaran mereka hendak-lah menyatakan keterangan2 lanjut mengenai perkara tersebut saperti jenis dan kekuatan projector, harga tiap2 1 set (CIF., Brunei), tarikh tiba di-Brunei, berita dan lama dalam tanggongan di-samping 1 catalogue (gambar) mengenai-nya hendak-lah di-sertakan.

6 Wang deposit sebanyak $300.00 hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei di-Bahagian Kewangan di-Tingkat Pertama, pada bila2 masa waktu bekerja biasa tidak lewat pada 3hb Mach, 1979.

7 Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran2 yang paling rendah atau sa-balek-nya.

## KENYATAAN TAWARAN

PEMBURONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantarkan tawaran mereka kapada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat pada 5hb Mach, 1979 jam 12.00 tengah hari, untok membekalkan 6 biji engine sangkut bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama saperti keterangan yang berikut-nya : —

a) Engine sangkut 85 kuasa kuda — 1 biji;
b) Engine sangkut 65 atau 70 kuasa kuda — 1 biji;
c) Engine sangkut 50 kuasa kuda — 2 biji; dan
d) Engine sangkut 40 kuasa kuda — 2 biji

Pemburong2 yang menghantarkan tawaran mereka ada-lah di-kehendaki menghantarkan catalogue (gambar) jenis engine sangkut yang di-tawarkan serta butir2 yang berikut : —

a) Tarikh sampai;
b) Harga CIF, Brunei; dan
c) Lama dalam jaminan.

Wang diposit sebanyak $200.00 untok keselurohan tawaran itu hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei di-Bahagian Kewangan di-Tingkat Pertama, pada bila2 masa waktu bekerja biasa sehingga 17hb Februari, 1979 jam 3.00 petang.

Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

## TENDER NOTICE

**ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED ASSEMBLY HALL AND SWIMMING POOL FOR THE POLICE HEADQUARTERS, PANAGA, SERIA**

REGISTERED Class 'B' Electrical Contractor and above are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services to Proposed Assembly Hall and Swimming Pool for the Police Headquarters, Panaga, Seria.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 7th February, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 27th February, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : — 'Tender for Electrical Installation to Proposed Assembly Hall and Swimming Pool for the Police Headquarters, Panaga, Seria.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

**No. 15 OF 1979**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

THE SUPPLY OF UNTREATED TIMBER TO P.W.D. BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG AND TEMBURONG FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 16 OF 1979**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

THE SUPPLY OF CELCURISED TIMBER TO P.W.D. BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG AND TEMBURONG FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 17 OF 1979**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered Earthworks Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

EARTHWORK AND CIVIL WORKS FOR PROPOSED SEKOLAH MELAYU PINTU MALIM, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 18 OF 1979**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

REPAIR AND REPAINTING TO DISTRICT POLICE STATION, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 19 OF 1979**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

PROPOSED EXTENSION TO LAND TRANSPORT DEPARTMENT BUILDING AT JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 20 OF 1979**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

SUPPLY OF 6 UNITS— PICKUP TRUCK 1-TON PAYLOAD CAPACITY 2-WHEEL DRIVE.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 21 OF 1979**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

SUPPLY OF 6 UNITS— JEEP TYPE VEHICLES 4-WHEEL DRIVE.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 22 OF 1979**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

SUPPLY OF 4 UNITS— FLAT TOP TRUCK 2½ TON PAYLOAD CAPACITY 2-WHEEL DRIVE.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 23 OF 1979**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

SUPPLY OF 10 UNITS —LAND ROVER L.W.B. EQUIVALENT 4-WHEEL DRIVE.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 24 OF 1979**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 20th February, 1979 for : —

SUPPLY OF 8 UNITS— TIPPER TRUCK 6-7 TON PAYLOAD CAPACITY 2-WHEEL DRIVE.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 25 OF 1979**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th March, 1979 for : —

SUPPLY OF 4 UNITS— MOTORISED ROAD GRADER HEAVY DUTY 150 H.P.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 26 OF 1979**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th February, 1979 for:—

THE CONSTRUCTION OF FLATS FOR EDUCATION DEPARTMENT AT BUKIT BENDIRA, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 27 OF 1979**

TENDERS will be received from Class "C" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th February, 1979, for:—

SUPPLY AND DELIVERY OF EARTHFILL FOR THE IMPROVEMENT OF ACCESS ROAD FROM SWIMMING POOL JUNCTION TO MUARA ROAD (SERUSOP SIDE) AT KAMPONG ANGGEREK DESA, BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 28 OF 1979**

TENDERS will be received from P.W.D. Brunei registered Furniture contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th February, 1979 for: —

MANUFACTURE AND SUPPLY OF CLASS I, II AND III SELANGAN BATU FURNITURE FOR REPLACEMENT IN GOVERNMENT QUARTERS FOR A PERIOD OF 2 YEARS.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 29 OF 1979**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th February, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF 2 BLOCKS OF TEACHERS' FLATS FOR SEKOLAH MELAYU SULTAN HASSAN, BANGAR, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of the Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 30 OF 1979**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th February, 1979 for : —

CONSTRUCTION OF 6 ADDITIONAL CLASSROOMS TO SEKOLAH MELAYU SUNGAI BESAR, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of the Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 31 OF 1979**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 27th February, 1979 for : —

REPAIR AND REPAINTING TO DISTRICT HOSPITAL AND QUARTERS AT TUTONG TOWN.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of the Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TAWARAN MENGANGKAT BEG2 BUNGKUSAN (PARCEL)

SHARIKAT2 pengangkutan ada-lah di-pelawa bagi menyediakan truck dan buroh2-nya sekali untok mengangkat beg2 bungkusan2 (parcels) Jabatan Pos, Brunei dari Pelabohan Muara ka-Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan dan sa-balek-nya pada bila2 masa di-kehendaki serta sanggup mengangkut beg2 bungkusan2 dari Muara/Pejabat Besar Pos atau sa-balek-nya tanpa pegagai mel sa-lepas beg2 dimuatkan dalam tempoh sa-lama dua tahun mulai dari 1hb Mei, 1979.

2. Tawaran2 hendak-lah di-kirimkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat dari hari Khamis 15hb Februari, 1979 jam 4.00 petang dengan sampol surat bertutop dengan membuboh nama di-luar sampol tersebut "Tawaran mengangkat beg2 bungkusan2 (parcels) Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei".

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar dengan keterangan yang lengkap saperti menyatakan harga bayaran bagi satu kali perjalanan truck dari Pelabohan Muara ka-Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan dan juga harga mengangkat/memunggah bagi tiap2 satu bag.

4. Kerajaan tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

# HUBONGAN NIAGA BRUNEI-FILIPINA DI-HARAP SEMAKIN RAPAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua rombongan perdagangan dari Filipina, Awang Quiazon Jr. mengharapkan yang lawatan mereka ka-Negeri Brunei akan mempereratkan lagi hubongan perdagangan antara Brunei dan Filipina.

Ketika beruchap di-satu majlis dailog antara rombongan perniagaan Filipina dengan Dewan2 Perniagaan Brunei, di-Bilek Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka minggu lalu, Awang Quiazon juga menyatakan sa-lain dari tujuan rombongan-nya membuka saloran2 perhubongan perniagaan antara kedua buah negara, ia-nya juga di-harapkan untok mempereratkan lagi tali persahabatan.

"Perdagangan berdasarkan persahabatan, dan lawatan rombongan kami ini bukan-lah sa-mata2 untok tujuan perdagangan, tetapi juga bagi persahabatan", tegas-nya.

Terdahulu dari itu, rombongan perniagaan dari Filipina yang telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama tiga hari di-sini minggu lalu itu telah mengadakan perjumpaan dengan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz, di-Pejabat Menteri Besar.

Perjumpaan itu di-akhiri dengan bertukar2 chendera-mata bagi memperingati lawatan tersebut.

Rombongan perniagaan dari Filipina itu juga di-bawa ka-Bilek Persidangan Setia Usaha Kerajaan bagi mendengarkan satu taklimat mengenai ranchangan kemajuan Brunei dan masa-alah perniagaan oleh Pegawai2 Kanan dari beberapa buah jabatan Kerajaan, termasok Yunit Peranchang Ekonomi dan Lembaga Kemajuan Ekonomi.

Rombongan pelawat itu juga di-bawa melawat ka-Pusat Kesenian dan Pertukangan tangan di-Berakas.

Sa-belum meneruskan lawatan-nya ka-Kuching, Sarawak, rombongan tersebut telah juga di-bawa melawat ka-Padang Minyak dan LNG, Seria.



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abdul Momin (tengah2) menerima chendera-mata yang di-sampaikan oleh ketua rombongan dari Filipina itu sambil di-perhatikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

## Dari muka 1

bat Penerbangan Awam sa-bagai Pegawai Pentadbir; Awang Ahmad bin Dato Matnor memangku jawatan Timbalan Pesurohjaya Tanah; Pg Ali Hassan bin Pg Dato Seri Laila Jasa Haji Abas di-tukar ka-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan sa-bagai Ketua Pegawai Belia dan Sokan; Awang Zainal bin Haji Momin di-tukar ka-Jabatan Buroh untok memangku jawatan Timbalan Pesurohjaya Buroh dan Pg Aliuddin bin Pg Paduka Tuan Haji Abu Bakar di-tukar ka-Jabatan Pertanian.

Pertukaran bagi semua pegawai2 pentadbir itu bermula 1hb Februari yang lalu.

Empat orang dari Jabatan Tanah juga telah di-tukar ka-beberapa jawatan di-pejabat itu. Mereka ia-lah Awang Buntar bin Haji Salleh di-tukar sa-bagai Ketua Pemereksa Tanah; YAM Pg Kerma Negara Pg Anak Abd Wahab bin Pg Sabtu Kamaluddin, Awang Haji Metussin bin Haji Mohammad dan Awang Mahmud bin Abdullah di-tukar sa-bagai Pemereksa Tanah Kanan. Pertukaran bagi ke-empat2 orang pegawai itu bermula 1hb Januari, 1978.

Dua orang Pegawai Pentadbir lagi ia-itu Awg Taib bin Adis di-tukar ka-Jabatan Perchetakan Kerajaan mulai 4hb Julai, 1978 dan Awang Saji bin Mudin di-tukar ka-Pejabat Daerah Brunei dan Muara mulai 1hb Ogos, 1978.

Pehin Orang Kaya Pekerma Diraja Dato Setia Haji Abd Wahab bin Haji Mohd Said di-tukar sa-bagai Pengawas Kenderaan Kepunyaan Kerabat Diraja dan VIP, Istana mulai 1hb Januari, 1979.

Awang Ismail bin Zainal di-tukar sa-bagai Timbalan Penguasa Tempat Orang Tahanan Jerudong mulai 1hb Oktober, 1978 dan Dayang Masnah bte Muhammad, guru Sekolah Arab, di-tukar sa-bagai Pegawai Ugama mulai 1hb Januari, 1978.

Sementara itu Kerajaan DYMM juga mengumomkan persaraan bagi lima orang kakitangan-nya. Mereka yang bersara itu ia-lah Awang Ibrahim bin Lamit (Penolong Pegawai Pertanian). Beliau bersara mulai 12hb Oktober, 1978.

Awang James Thane (Pengawas Tingkat Khas JKR) bersara mulai 31hb Oktober, 1978; Awang Wong Ching Chew (Ketua Pos) dan Awang Haji Razali bin Haji Zainuddin (Kadzi) bersara mulai 31hb Disember, 1978.

Awang Marsal bin Haji Hassan (Guru Tingkat Khas) bersara mulai 1hb Januari, 1979.

## Dari muka 1

yang mana segala amalan dan pekerjaan kita ada-lah sentiasa tertumpu pada landasan2 yang bersesuaian dengan ajaran2 Allah s.w.t.

Baginda mengulangi titah yang telah di-titahkan di-istiadat menanda-tangani perjanjian persahabatan dan kerjasama antara Negeri Brunei dengan United Kingdom bahawa kemerdekaan yang akan di-chapai itu akan menampakkan suatu chabaran yang sangat besar.

Baginda berseru supaya kita sama2 berdo'a semoga kemerdekaan yang akan kita perolehi itu ia-lah kemerdekaan yang tulin yang akan mendatangkan kebahagiaan dan kemakmoran dalam keadaan yang terselamat kapada raayat dan pendudok di-negeri ini.

# Lebeh 33,000 sertai Perarakan Maulud

## Dari muka 1

itu telah di-dahului oleh bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awang Mohd Yusof bin Abu Bakar dan di-ikuti dengan sharahan khas oleh Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal dan sembah alu2-an oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awg. Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Ini di-ikuti oleh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei yang kemudian-nya berkenan berangkat berchemarduli memereksa barisan peserta2 yang mengambil bahagian.

Sa-telah itu bachaan Marhaban beramai2 yang di-ketuai oleh Pegawai2 Masjid dan di-sertai oleh wakil2 dari peserta2 untok membacha **Asrakal Badru Alaina** dan di-ikuti dengan tembakan meriam sa-banyak 12 das sa-baik2 saja sampai ka-perengkat **Ya Habibi Ya Muhammad** dalam Marhaban itu.

Perhimpunan itu telah di-akhiri dengan bachaan Do'a Selamat oleh Sahibol Fadzilah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.

Perarakan mengelilingi bandar bermula kira2 jam 10.00 pagi. Perarakan sa-jauh kira2 tiga batu itu di-dahului oleh ahli2 jawatankuasa sambutan yang juga di-sertai oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Menteri Besar YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abdul Momin bin Pg Haji Ismail; Setia Usaha Kerajaan, YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan lain2 pembesar negara. Perarakan berakhir kira2 jam 12.00 tengah hari.

Perhimpunan dan perarakan yang sama juga telah di-adakan di-Padang KBRC Kuala Belait. Lebeh dari 4,000 orang umat Islam di-Daerah Belait telah menyertai perhimpunan dan perarakan tersebut.

Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim telah hadhir dan menyampaikan uchapan dalam perhimpunan.

Yang Teramat Berhormat itu juga telah mendahului perarakan mengelilingi pekan Belait. (Gambar2 perhimpunan dan perarakan Maulud di-Daerah Brunei-Muara di-siarkan di-muka 10 dan 11 dan di-Daerah Belait di-muka 4).

Perhimpunan dan perarakan Maulud bagi daerah2 Tutong dan Temburong akan di-adakan pada hari Ahad, 18hb Februari.

## Dari muka 1

saat Negeri Brunei menempoh saat2 bersejarah lagi penting ka-arah kemerdekaan ia-nya memerlukan persediaan2 yang baik lagi kukoh bukan sahaja dari segi fizikal bahkan dari segi pemikiran dan moral.

Pemangku Pengetua itu berharap, dengan thema tersebut mudah2an raayat dan pendudok negeri ini terutama yang berugama Islam akan dapat memahami bahawa dengan menjalankan surohan2 ugama yang menggariskan dasar yang baik bagi kehidupan dunia dan akhirat, maka seorang itu akan dapat berbakti kapada ugama dengan lebeh sempurna.

"Sa-balek-nya jika perkhidmatan-nya itu tidak di-bendong oleh ajaran2 ugama yang antara lain bermaksud hanya untok kepentingan2 persendirian atau tujuan2 dunia dan tidak kerana Allah, maka perkhidmatan itu pada satu waktu ketika menempoh keadaan sukar sa-kali akan di-atasi tambah-nya.

# *KENYATAAN / NOTICE*

## KALIMANTAN INSURANCE CORPORATION LIMITED

ADA-LAH dengan ini di-umomkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sekarang sedang memegang $100,000 ia-itu bayaran yang di-buat di-bawah satu Surat Jaminan sa-bagai chagaran bagi pengeluaran oleh Kalimantan Insurance Corporation Limited akan polisi2 insuran terhadap bahaya2 pehak ketiga di-bawah Undang2 Kenderaan Bermotor (Bahaya2 Pehak Ketiga) (*Penggal 90*).

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berhasrat untok mempergunakan wang sa-jumlah $100,000 tersebut bagi maksud membayar hutang2 yang telah di-putuskan oleh Mahkamah yang di-tuntut terhadap mana2 orang yang insuran-nya di-tanggong oleh Kalimantan Insurance Corporation Limited tersebut. Mana2 penuntut hutang yang telah mendapat keputusan Mahkamah sa-demikian berthabit dengan tuntutan2 yang berbangkit dari sa-suatu kemalangan kereta yang berlaku dalam tempoh di-antara 7hb Februari 1975 dan 6hb Disember 1975 boleh-lah dari itu menghadapkan tuntutan terhadap wang sa-jumlah $100,000 tersebut tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh Kenyataan ini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak akan menerima sebarang tanggongan apa pun jua bagi pehak atau berkaitan dengan Kalimantan Insurance Corporation Limited tersebut selain dari mempergunakan wang sa-jumlah $100,000 bagi maksud tersebut di-atas.

Setia Usaha Kerajaan
Brunei.

*IT is hereby notified that His Highness's Government is now holding $100,000 being payment made under a Letter of Guarantee as security for the issue by Kalimantan Insurance Corporation Limited of policies of insurance against third party risks under the Motor Vehicles (Third Party Risks) Enactment (Cap. 90).*

*His Highness's Government intends to apply the said sum of $100,000 for the purpose of paying judgement debts entered against any person insured by the said Kalimantan Insurance Corporation Limited in respect of third party risks pursuant to the said Enactment. Any judgement creditor who has obtained such a judgement in respect of claims arising from a motor accident occurring during the period between 7th February 1975 and 6th December 1975 may therefore submit a claim to the said sum of $100,000 not later than 30 days from the date of this Notice.*

*His Highness's Government accepts no liability whatsoever for or in connection with the said Kalimantan Insurance Corporation Limited other than to apply the said sum of $100,000 as aforesaid.*

*State Secretary
Brunei.*

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.